UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KOS PERSENDIRIAN PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH : KAJIAN KES DI DAERAH HILIR PERAK

HESHAM BIN RO

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI).

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

_____

01.03.2010 HESHAM BIN RO

M20072000686

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayatNya, saya telah dapat melaksanakan penyelidikan ini dengan sempurna. Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai harganya daripada pelbagai pihak. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang berkenaan. Sesungguhnya saya menjadi saksi atas kemuliaan mereka ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Dr.Ramlee bin Ismail atas bimbingan dan bantuan beliau sepanjang penyediaan disertasi ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden kajian. Tanpa kerjasama dan keikhlasan mereka sudah pasti penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan. Khas kepada isteriku, Dhafilzah dan cahaya-cahaya mataku Hadzrin, NurHadzwani dan Hadzmin, yang sentiasa mendoakan dan memberikan perangsang kepadaku, sesungguhnya kehadiranmu segalanya bagiku

Akhir sekali, kepada semua yang telah membantu, budi baik dan keikhlasan yang diberikan akan saya kenang sepanjang hayat. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ABSTRAK

Perbelanjaan kerajaan untuk sektor pendidikan menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Manakala peningkatan kos persendirian, iaitu kos yang ditanggung oleh ibu bapa tidak dapat dipastikan kerana tidak ada penilaian yang komprehensif. Kajian ini menganggarkan kos persendirian pendidikan bagi sekolah rendah dari tahun 1 sehingga tahun 6 untuk tempoh setahun persekolahan. Kos persendirian juga dibuat perbandingan berdasarkan jenis sekolah, tahap persekolahan dan faktor sosioekonomi. Selain itu, kajian ini juga meninjau persepsi ibu bapa terhadap tahap bebanan kos persendirian tersebut. Kajian menggunakan kaedah kos bahan *(ingredient cost),* di mana soal selidik dibentuk untuk mendapatkan maklumat tentang kos bagi setiap item dalam perbelanjaan persekolahan. Sampel kajian merangkumi tiga kumpulan iaitu ibu bapa pelajar dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap persekolahan dengan jumlah kos persendirian. Perbelanjaan persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga menunjukkan perbezaan yang signifikan mengikut jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah. Majoriti responden beranggapan kos persendirian sekolah rendah adalah membebankan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ABSTRACT

The government expenditure for the education sector had escalated over the period. Meanwhile, the increment in private cost, that is the cost borne by parents cannot be fully determined due to the unavailability of a comprehensive assessment. This study determined the private cost of education for primary school from Year 1 to Year 6 for a period of one school year. Private cost assessment is also done according to type of school, level of education and sosio economic factor. Apart from that, this study also looked into the parents perception towards the degree of burden incurred in private cost. This study utilized the "ingredient cost" method, whereas a set of questionaire was developed to elucidate the cost of schooling needs. The study sample comprised three groups, they were; parents of pupils from Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina and Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. The outcome of this study showed the presence of a positive relationship between level of schooling and total private costs. The cost of schooling borne by the parents and guardians showed a significant difference according to type of school, school status, gender, year of schooling and level of household income. Most of the respondents believed the private cost for primary school is burdensome.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
KANDUNGAN		v
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI RAJAH		xvii
BAB I	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah Kajian	4
1.3	Kerangka Konsep Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	17
1.7.1	Peringkat Sekolah	17
1.7.2	Tempat Kajian	17
1.7.3	Batasan Sampel	18

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.8 Definisi Istilah 19

1.8.1 Sekolah Rendah 19

1.8.2 Sekolah Kebangsaan 19

1.8.3 Sekolah Jenis Kebangsaan 20

1.8.4 Ibu bapa 20

1.8.5 Pelajar 20

1.8.6 Pembiayaan Sekolah 21

1.8.7 Kos Persendirian 21

1.8.8 Kos Tidak Langsung 22

1.9 Rumusan 23

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 24

2.2 Latar Belakang Kajian Kos 25

2.3 Analisis Kos Pembiayaan Persekolahan 26

2.3.1 Kos Pendidikan 27

2.3.2 Pembiayaan Sekolah 28

2.3.3 Tanggungjawab Ke atas Kos Pendidikan 31

2.3.4 Sumber Bagi Sekolah 32

a) Yuran 32

b) Sumbangan dan Derma 34

2.4 Teori-Teori Yang Berkaitan 35

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.4.1 Teori Modal Manusia 35

2.4.2 Teori Modenisasi 39

2.5 Pulangan Pelaburan Pendidikan 42

2.6 Kajian Berkaitan Di Malaysia 45

2.7 Agihan Beban Biaya 53

2.8 Rumusan 60

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 61

3.2 Reka Bentuk Kajian 62

3.3 Populasi Kajian 66

3.4 Sampel Kajian 67

3.4.1 Saiz Sampel Kajian 69

3.5 Instrumen Kajian 71

3.5.1 Soal Selidik 71

3.6 Kajian Rintis 74

3.7 Prosedur Pengumpulan Data 76

3.8 Analisis Data 79

3.8.1 Kaedah Kuantitatif 79

3.8.2 Analisis Deskriptif 79

3.8.3 Analisis Inferensi 80

3.9 Rumusan 82

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Profil Responden Soal Selidik	84
4.3	Analisis Deskriptif	87
4.3.1	Kos Persendirian Ibu bapa Berdasarkan Tahun Persekolahan	88
4.3.2	Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar	93
4.3.3	Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah	94
4.3.4	Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan.	99
4.3.5	Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah	101
4.3.6	Kos Persendirian Ibu bapa Berdasarkan Jenis Sekolah	102
4.3.7	Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah	105
4.3.8	Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah	107
4.3.9	Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Status Sekolah	108
4.3.10	Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Status Sekolah	109
4.3.11	Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah	111
4.3.12	Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Jenis dan Status Sekolah	113

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.4 Analisis Inferensi 116

4.4.1 Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan 118

4.4.2 Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar 119

4.4.3 Kos Persendirian Berdasarkan Tahap Pendapatan Isi rumah 120

4.4.4 Kos Persendirian Berdasarkan Persepsi Ibu bapa 121

4.4.5 Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah 124

4.4.6 Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah 125

4.4.7 Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah 127

4.4.8 Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah 130

4.4.9 Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Status Sekolah 133

4.4.10 Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Status Sekolah 135

4.4.11 Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah 138

4.4.12 Tahap Bebanan Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Jenis dan Status Sekolah 141

4.4.13 Hubungan antara Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah, Status Sekolah, Jantina, Tahun Persekolahan dan Tahap Pendapatan 143

4.5 Rumusan 149

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	150
5.2	Ringkasan Kajian	151
5.3	Perbincangan	154
	5.3.1 Anggaran Kos Berdasarkan Tahun Persekolahan	154
	5.3.2 Anggaran Kos Berdasarkan Jantina Pelajar	156
	5.3.3 Anggaran Kos Berdasarkan Pendapatan Isi rumah	157
	5.3.4 Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian	159
	5.3.5. Anggaran Kos Berdasarkan Status Sekolah	161
	5.3.6 Anggaran Kos Berdasarkan Jenis Sekolah	163
	5.3.7 Interaksi dan Hubungan yang Signifikan	165
5.4	Kesimpulan	167
5.5	Cadangan Penambahbaikkan Pembiayaan	168
5.5	Penutup	170

RUJUKAN 171

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

LAMPIRAN

A.1	Jumlah Pelajar dan Bilangan Sekolah Mengikut Aliran Sekolah Rendah di Malaysia, 1970 – 2007	178
A.2	Perbelanjaan Pendidikan 2003-2007	179
A.3	Perbelanjaan Pendidikan Berbanding dengan Perbelanjaan Negara Dan Keluaran Negara Kasar	180
A.4	Aliran Am Pembiayaan Dalam Sistem Persekolahan	181
A.5	Aliran Am Pembiayaan Dalam Sistem Persekolahan Di Malaysia	182
A.6	Aliran Pembiayaan Sekolah Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	183
B.1	Peruntukan Pembangunan dan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2001-1010 (RM Juta)	184
B.2	Purata Bantuan Diterima Oleh Seorang Pelajar Setahun Sekolah Rendah	185
C.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel	186
C.2	Soal Selidik	187
C.3	Arahan Soal selidik dalam Bahasa Cina	194
C.4	Arahan Soal selidik dalam Bahasa Tamil	195
C.5	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM	196
C.6	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perak	197

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

E.1 Peruntukan Pembangunan dan Bilangan Projek Sekolah Mengikut Aliran Sekolah Rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam hingga Kelapan, 1991 – 2005 198

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI JADUAL

		Halaman
2.1	Kos Purata Persekolahan Sekolah Menengah (RM)	50
2.2	Kos Persekolahan daripada Peratus Pendapatan	51
2.3	Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persekolahan	52
2.4	Agihan Perbelanjaan Kepada Institusi Pendidikan	54
2.5	Penglibatan Kewangan Ibu bapa Dalam Mendapatkan Bekalan Sekolah	57
2.6	Peratus Agihan Beban Biaya Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Sumber Bagi Beberapa Negara Terpilih.	59
3.1	Agihan Sekolah Rendah di Daerah Hilir Perak Berdasarkan Lokasi Sekolah	68
3.2	Agihan Soal Selidik	70
3.3	Jadual Pulangan Soal Selidik	78
4.1	Profil Responden Kajian	84
4.2	Analisis Deskriptif Purata Kos Persendirian berdasarkan Tahun Persekolahan	89
4.3	Analisis Deskriptif Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar (min)	93
4.4	Peratus Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi rumah	94
4.5	Peratus Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi rumah dan Status Sekolah	97

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.6	Tahap Pendapatan dan Tahap Bebanan Ibu bapa	98
4.7(a)	Analisis Deskriptif Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan Pelajar Sekolah Rendah	99
4.7(b)	Analisis Deskriptif Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah	100
4.7(c)	Analisis Deskriptif Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah	100
4.8	Analisis Deskriptif Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah (Min)	101
4.9	Analisis Deskriptif Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah (Min)	102
4.10	Analisis Deskriptif Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah (Min)	105
4.11	Analisis Deskriptif Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah (Keseluruhan)	106
4.12	Analisis Deskriptif Kos Persendiran Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah (Min)	107
4.13	Analisis Deskriptif Kos Persendiran Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Status Sekolah (Min)	108
4.14	Analisis Deskriptif Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Status Sekolah	110
4.15(a)	Analisis Deskriptif Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah	111

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.15(b) Analisis Deskriptif Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah (Keseluruhan) 112

4.16(a) Analisis Deskriptif Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah 110

4.16(b) Analisis Deskriptif Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah 114

4.16(c) Analisis Deskriptif Tahap Bebanan Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah 115

4.17 ANOVA Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan 118

4.18 Ujian *t* Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar 119

4.19 ANOVA Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi rumah 120

4.20(a) ANOVA: Persepsi Ibubapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan 121

4.20(b) Jadual *Post-Hoc* Tahap Bebanan Kos Persendirian 123

4.21 Ujian *t* Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah 124

4.22(a) ANOVA : Jumlah Perbelanjaan Persendirian Mengikut Jenis Sekolah 125

4.22(b) *Post-Hoc* Jumlah Kos Persendirian Persekolahan Berdasarkan Jenis Sekolah (Keseluruhan) 126

4.23 ANOVA : Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah 128

4.24 ANOVA : Jumlah Kos Persendiran Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah 131

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.25 ANOVA : Jumlah Kos Persendiran Berdasarkan Tahun dan Status Sekolah 134

4.26 ANOVA : Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Status Sekolah 136

4.27 ANOVA : Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah 139

4.28 ANOVA : Tahap Bebanan Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah 142

4.29(a) Ringkasan Model Regresi *(Model Summary)* 144

4.29(b) ANOVA Regresi 144

4.29(c) Koefisien Regresi 145

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI RAJAH

Halaman

1.1	Kerangka Konsep Kajian	7
4.1	Carta Min Kos Persendirian Dengan Pendapatan Isi Rumah	95
4.2	Min Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah dan Tahun Persekolahan	129
4.3	Min Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah	132
4.4	Min Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Status Sekolah	137
4.5	Min Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan dan Jenis Sekolah	140

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pendidikan di peringkat rendah mengambil masa enam tahun iaitu sejak kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun. Sebagai sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, pendidikan rendah terbahagi kepada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Pendidikan peringkat rendah merupakan peringkat yang paling penting kerana ia merupakan asas yang akan menentukan kejayaan pendidikan peringkat seterusnya. Tumpuan diberikan untuk menjamin pelajar-pelajar yang berada di peringkat ini dapat menguasai pendidikan asas sebelum mereka melangkah ke alam pendidikan yang lebih tinggi. Seterusnya bagi menyediakan modal insan yang berkualiti.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam konteks dunia global kini, ianya merupakan satu keperluan. Pembangunan sumber manusia yang berkualiti ini seharusnya bergerak seiring dengan pembangunan fizikal sesebuah negara.

Corak perbelanjaan pendidikan di Malaysia menunjukkan peningkatan. Perbelanjaan pendidikan yang meningkat pada setiap tahun ini adalah didorong oleh dua faktor utama. Pertama adalah disebabkan oleh perluasan dasar dan penyelenggaraan program sedia ada, faktor pertambahan pembiayaan biasa yang didorong oleh kenaikan kadar inflasi, perlupusan peralatan dan peningkatan bilangan pelajar. Faktor kedua pula berkaitan dengan pertambahan keperluan pendidikan yang didorong oleh pembangunan infrastruktur pendidikan serta dasar dan program baru yang diperkenalkan. Kementerian Pendidikan Malaysia (1996; 2002), menjelaskan bahawa pola pembiayaan pendidikan akan terus meningkat berikutan keperluan-keperluan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pendidikan, iaitu:

(1) menyediakan pendidikan kepada bilangan pelajar yang semakin bertambah akibat daripada;

i) pertambahan penduduk;

ii) memperluaskan pendidikan universal daripada 9 hingga ke 11 tahun; (Lampiran A.1).

iii) peningkatan peratus kohot yang akan mendapat pendidikan tinggi, iaitu sehingga 40% bagi kohot lingkungan umur 21 tahun hingga 24 pada tahun 2010;

(2) perluasan pendidikan prasekolah;

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

(3) mewajibkan pendidikan peringkat rendah;

(4) penyediaan kemudahan sokongan seperti rumah guru;

(5) perluasan program pendidikan tinggi;

(6) meningkatkan taraf kelayakan profesional guru sekolah rendah ke tahap diploma dan program pensiswazahan guru sekolah menengah;

(7) memperkenalkan program-program baru seperti komputer dalam pendidikan, Sekolah Bestari dan pengajaran bahasa-bahasa asing;

(8) menaiktaraf mutu pendidikan di sekolah luar bandar dan pedalaman termasuklah mengambil alih sekolah-sekolah Orang Asli, mengurangkan kesesakan bilik darjah, bangunan dan peralatan; dan

(9) pengembangan dan pembinaan institusi-institusi pendidikan baru.

Selain itu, cabaran yang dihadapi dalam pembiayaan pendidikan sepertimana yang ditegaskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), bahawa sistem pembiayaan pendidikan dan sumbangan masyarakat terhadap pendidikan di Malaysia masih lagi terhad jumlahnya.

Iltizam kerajaan dalam membiayai pendidikan di negara ini jelas terbukti melalui peruntukan terbesar dalam belanjawan negara saban tahun. Peruntukan ini pula sentiasa bertambah, walaupun pada tahun-tahun negara mengalami kemelesetan ekonomi (Lampiran A.2 dan A.3). Pada masa yang sama, persepsi awam bahawa kos pendidikan awam adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan perlu dikikis. Ahli masyarakat, terutama golongan yang mampu/berpendapatan tinggi perlu diisyaratkan bahawa kos

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pendidikan juga adalah tanggungjawab bersama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996).

Kos persendirian persekolahan yang dibelanjakan oleh ibu bapa terhadap anak mereka merupakan pelaburan jangka panjang. Ibu bapa sentiasa mengharapkan pelaburan yang dibuat akan mendatangkan pulangan yang setimpal. Semakin tinggi pulangan yang dijangkakan akan menyebabkan perbelanjaan ke atas pendidikan pelajar semakin meningkat begitu juga sebaliknya. Dari sudut pandangan lain, menurut Faridah et al. (2005), perbelanjaan persekolahan merupakan satu jenis beban yang berat kepada ibu bapa dari keluarga yang miskin. Anak-anak dari keluarga miskin selalu tercicir akibat ibu bapa tidak mampu membayar perbelanjaan persekolahan mereka. Ibu bapa terpaksa memberhentikan persekolahan anak-anak untuk meringankan tanggungan perbelanjaan keluarga. Akibatnya masalah kemiskinan akan berterusan kerana tidak mampu untuk mengubah nasib keluarga mereka. Keadaan ini mungkin lebih serius lagi di kawasan bandar, kerana kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding dengan kos sara hidup di kawasan luar bandar.

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Pada tahap rendah dan menengah, isu untuk memindahkan sebahagian daripada beban biaya sekolah walaupun banyak dibangkitkan, kurang mendapat perhatian memandangkan tahap rendah dan menengah adalah tahap pendidikan wajib dan oleh itu dibiayai sepenuhnya atau hampir sepenuhnya oleh kerajaan (OECD, 1995). Bagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Malaysia didapati mengamalkan pengagihan beban pembiayaan sekolah awam kepada pihak persendirian atau ibu bapa pada kadar yang terendah iaitu 1.5% berbanding dengan negara-negara OECD yang jauh lebih besar, iaitu pada kadar 8.9% (OECD, 1998).

Sekolah-sekolah di Malaysia mengenakan kadar yuran yang minimum sekali dalam usaha menggembleng dana persendirian. Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia telah memansuhkan yuran minimum di sekolah rendah ialah RM 4.50 dan di sekolah menengah ialah RM 9.00 untuk setahun persekolahan, yang meliputi yuran khas sekolah dan yuran majlis sukan sekolah-sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007a). Sebaliknya lain-lain bentuk yuran telah dikenakan pula oleh pihak sekolah bagi membiayai perkhidmatan tambahan yang diberikan.

Namun demikian kos persekolahan anak-anak yang ditanggung oleh ibu bapa bukan sahaja melibatkan pembayaran yuran, tetapi melibatkan kos lain iaitu, kos pengangkutan, pakaian seragam, buku dan alat tulis, wang saku, peralatan sukan dan sebagainya. Jumlah semua kos persendirian yang ditanggung oleh ibu bapa ini adalah tinggi. Kos yang tinggi ini memberi kesan yang besar kepada golongan berpendapatan rendah.

Keluarga yang kurang berkemampuan menghadapi masalah untuk membeli peralatan dan bahan pembelajaran, membayar yuran sekolah, tambang bas dan membeli cermin mata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Oleh yang demikian, golongan ini perlu diberikan bantuan bagi membolehkan mereka mendapat kemahiran,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, meningkatkan daya saing dan akhirnya meningkatkan pendidikan anak-anak mereka (Kerajaan Malaysia, 2001). Bagaimanapun untuk mengetahui jumlah sebenar yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk pendidikan anak-anak mereka, maka satu kajian perlu dilakukan. Di samping itu, kajian ini juga dapat meninjau adakah perbelanjaan pendidikan ini membebankan atau tidak. Ianya hanya boleh diketahui jika ada data-data yang berkaitan. Justeru itu, kajian ini akan cuba mencari maklumat untuk menjawab persoalan-persoalan di atas.


Lanjutan daripada tekanan kos persendirian, masyarakat juga sedar kos untuk membiayai pendidikan ini akan terus menelan perbelanjaan yang besar dan terus meningkat atas dorongan perkembangan kuantiti dan kualiti selaras dengan pembangunan dan wawasan negara. Masyarakat sedar bahawa pendidikan bukan sahaja merupakan pelaburan sosial bahkan merupakan pelaburan peribadi *(private investment)* yang menghasilkan pulangan yang lumayan. Ini bermakna perbelanjaan dalam pendidikan adalah satu pelaburan sumber manusia yang dapat mendatangkan faedah ekonomi kepada individu, masyarakat seterusnya meningkatkan pembangunan dan pendapatan negara.

1.3 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian dan literatur yang berkaitan. Kerangka kajian yang dibina adalah seperti Rajah 1.1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

RAJAH 1.1: KERANGKA KAJIAN KOS PERSENDIRIAN PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Rajah 1.1 menunjukkan kos pembiayaan pada tahap sekolah rendah. Kos pembiayaan terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu kos sosial atau kos awam dan kos persendirian atau kos isi rumah. Kumpulan kos sosial dipecahkan kepada dua bentuk kos juga iaitu, kos operasi dan kos pembangunan. Kos operasi merujuk kepada kos sumber-sumber persekolahan yang digunakan dalam proses persekolahan setiap tahun; meliputi kos personel seperti emolumen pentadbir, guru dan pekerja, dan kos mengurus seperti bahan pengajaran, alat bantu mengajar, bekalan bahan-bahan pakai buang, selenggara, baik puih, ubahsuai dan kebajikan pelajar. Kos pembangunan bermaksud kos yang diperlukan untuk pembangunan fizikal sekolah yang meliputi tanah, bangunan dan peralatan.

Kos persendirian adalah daripada sumber-sumber persendirian dalam pembiayaan persekolahan pula boleh dibahagikan kepada dua kategori utama: kos langsung dan kos tidak langsung atau kos melepas. Kos langsung ialah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ibu bapa ke atas persekolahan anak-anak yang meliputi, yuran, uniform sekolah, pengangkutan, wang saku, insuran, kelas komputer, sumbangan, tuisyen, beg sekolah, kasut sekolah dan sebagainya. Kos tidak langsung atau kos melepas merujuk kepada nilai ekonomi kepada peluang-peluang melepas *(forgone oppurtunities)* berikutan kehadiran pelajar ke sekolah.

Objektif utama kajian iaitu menganggarkan kos persendirian pendidikan sekolah rendah. Kos tersebut merupakan salah satu kos yang terlibat dalam pembiayaan pendidikan yang dikeluarkan oleh ibu bapa bagi tujuan persekolahan anak-anak. Pada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

asasnya kos persendirian mempunyai beberapa bahan (*ingredient)* yang setiap satu daripadanya mempunyai nilai ataupun kos.

Langkah pertama dalam penggunaan kaedah *ingredient* adalah mengenalpasti semua *ingredient* yang digunakan oleh pihak persendirian untuk persekolahan anak-anak. Levin & Mc Ewan, (2001) telah mengklasifikasikan *ingredient* kepada lima kategori iaitu personel, kemudahan, bahan dan peralatan, input-input lain dan input daripada klien. Dalam kajian ini hanya input daripada klien atau pihak persendirian/ibu bapa yang terlibat. Kategori input daripada klien atau kos persendirian ini adalah sumber kewangan atau bahan-bahan lain yang disumbangkan oleh keluarga pelajar. Misalnya pihak persendirian menyediakan pengangkutan, buku, pakaian, bahan makanan, yuran, wang saku atau apa sahaja perkhidmatan untuk pelajar.

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa perluasan sistem persekolahan awam oleh kerajaan dan komitmen oleh ibu bapa dalam mengeluarkan perbelanjaan disahihkan melalui Teori Modal Manusia dan Teori Modenisasi. Teori-teori ini mendakwa pendidikan adalah landasan penting dalam memajukan negara. Oleh itu perluasan sistem persekolahan dan perbelanjaan oleh ibu bapa adalah amat penting demi mencapai hasrat tersebut. Landasan itu mengikut Teori Modal Manusia adalah berikutan peningkatan produktiviti melalui pengetahuan dan kemahiran yang diajarkan di sekolah (Cippolone, 1995; Carnoy, 1995) dan diperkukuhkan mengikut Teori Modenisasi dengan nilai, sikap dan kepercayaan moden yang diterapkan oleh sekolah melalui proses pembelajaran (Fargiland & Saha, 1989). Selain itu, pendidikan bukan sahaja penting dari segi ekonomi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dan pemodenan, ia juga merupakan satu sandaran jangka panjang dari segi sosial. Ini memandangkan pendidikan menghasilkan kesan atau faedah tidak langsung *(external benefits of education)* yang melibatkan kesejahteraan sosial, dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara (Gibney, 1995; McMahon, 1995; Wolfe, 1995).

Menurut rumusan John, Morphet & Alexander, (1983); Burrup, Brimly & Garfield, (1993), semua pendekatan ahli ekonomi politik terulung yang meliputi pendekatan Marx, Keynes, Gailbraith, Smith dan Friedman mengaitkan peranan kerajaan dalam memajukan dan mengagihkan kekayaan serta kemakmuran negara dengan adil dan saksama kepada semua golongan rakyat. Marx menganjurkan supaya pendidikan awam diberikan percuma, dikawal dan dibiayai oleh kerajaan. Keynes pula berpendapat bahawa kerajaan perlu memainkan peranan utama dalam memberikan pendidikan yang lengkap. Gailbraith seterusnya mahu melihat kerajaan menggemblengkan sumber-sumber dari sektor persendirian atau swasta dalam sama-sama menanggung beban biaya sekolah. Smith sebaliknya tidak mewajibkan kerajaan membiayai pendidikan. Pendidikan, mengikut Smith adalah tanggungjawab ibu bapa, dan semua golongan perlu sama-sama membiayai pendidikan, tetapi memandangkan pendidikan penting dalam pelbagai aspek, kerajaan boleh membiayai pendidikan tetapi subsidi tersebut perlu diutamakan kepada golongan berpendapatan rendah. Manakala Friedman berpendapat bahawa demi meningkatkan teknologi, keefisienan dan memperluaskan kebebasan memilih, kepada pelajar dan ibu bapa dalam pendidikan, kerajaan perlu mengurangkan kawalan dalam pendidikan dan menggalakkan langkah penswastaan sekolah, mewujudkan pasaran pendidikan swasta dan pengurusan sekolah ala pasaran bebas. Walaupun kerajaan dilihat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

masih perlu membiayai sekolah tetapi beban ini boleh diagihkan ke pihak persendirian. Beliau mencadangkan sistem baucer sebagai tatacara pembiayaan yang diberikan terus kepada pelajar. Dengan ini sekolah perlu bertanding untuk medapatkan biaya dan baucer pelajar tersebut. Nilai baucer yang diberikan pula bolehlah diasaskan kepada kedudukan sosioekonomi keluarga. Di samping itu, kajian Kementerian Pendidikan juga telah mencadangkan agar pembiayaan atau subsidi pelajar sekolah perlulah mengambil kira kemampuan sosioekonomi keluarga (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1987). Ini bermaksud bahawa amalan sekarang di mana semua pelajar disubsidikan secara sama rata perlu dilihat kembali.

Di negara ini pembiayaan persekolahan adalah berasaskan kepada model yang dibina oleh Schiefelbein, (1993) (Lampiran A.4). Manakala model aliran pembiayaan dalam sistem persekolahan di Malaysia dan aliran pembiayaan di bawah Kementerian Pendidikan (Lampiran A.5 dan Lampiran A.6). Model ini menunjukkan bahawa sumber pembiayaan termasuklah hasil khas untuk sekolah, hasil daripada perkhidmatan sekolah, sumber-sumber yang berpunca dari kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan, badan agama, swasta, badan sukarela, badan yang tidak bermotifkan keuntungan dan paling penting sumber yang berpunca daripada pendapatan keluarga yang merupakan tumpuan kajian ini.

Ringkasnya kerangka kajian ini menggambarkan kos pendidikan yang terlibat dalam pembiayaan sekolah. Kerangka ini juga dirumuskan untuk mendapatkan atau menganggarkan kos persendirian yang terlibat dalam pendidikan sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Seterusnya menjawab persoalan kajian berapakah jumlah kos persendirian persekolahan pelajar di sekolah rendah?, adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jantina pelajar?, adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan tahap pendapatan isi rumah?, adakah kos persendirian terhadap persekolahan anak-anak membebankan?; adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, status sekolah?, dan adakah terdapat interaksi dan hubungan yang signifikan kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah. Berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur yang ditetapkan ini maka kerangka kajian di bina seperti Rajah 1.1.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Di antara objektif kajian Kos Persendirian Pendidikan Sekolah Rendah ialah:

1.4.1 Untuk menganggarkan kos persendirian untuk tujuan pendidikan bagi pelajar sekolah rendah dari tahun 1 sehingga tahun 6 dalam masa satu tahun persekolahan.

1.4.2 Kajian dijalankan bagi meninjau perbezaan kos persendirian berdasarkan jantina pelajar.

1.4.3 Fokus dilakukan bagi menentukan sama ada tahap pendapatan isi rumah mempengaruhi kos persendirian pendidikan.

1.4.4 Mendapatkan persepsi ibu bapa terhadap kesan kos persendirian persekolahan anak-anak mereka sama ada berada pada tahap, "amat membebankan", "membebankan" dan "tidak membebankan". Dalam bahagian ini, responden diminta menyatakan persepsi masing-masing mengenai tahap bebanan terhadap jumlah kos persendirian yang telah dikeluarkan bagi tujuan persekolahan formal anak-anak mereka.

1.4.5 Mendapatkan maklumat tentang perbezaan kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, iaitu: Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil; dan kedua, perbezaan kos persendirian berdasarkan lokasi sekolah (status sekolah) sama ada di kawasan bandar dan luar bandar.

1.4.6 Menentukan sama ada wujud interaksi dan hubungan yang signifikan antara kos persendirian dengan jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.5 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian telah dibentuk berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan. Soalan-soalan kajian adalah:

1.5.1 Berapakah jumlah kos persendirian terhadap persekolahan pelajar di sekolah rendah ?

1.5.2 Adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jantina pelajar?

1.5.3 Adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan pendapatan isi rumah?

1.5.4 Adakah kos persendirian ibu bapa terhadap anak-anak membebankan?

1.5.5 Adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, status sekolah?

1.5.6 Adakah terdapat interaksi dan hubungan yang signifikan, kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam sektor pendidikan, sebarang keputusan atau pelaksanaan dasar pendidikan mempunyai implikasi besar terhadap kos pendidikan. Maklumat tentang kos persendirian dalam pendidikan boleh membantu penggubal dasar membuat keputusan untuk penambahbaikkan dalam pelaksanaan pendidikan. Ia juga dapat membantu dalam membuat anggaran untuk menentukan peruntukan perbelanjaan bagi keperluan-keperluan pendidikan.

Pembiayaan untuk sekolah di Malaysia adalah tinggi dan kian meningkat. Lambat laun dasar pembiayaan sekolah perlu dikaji semula dan diubah suai. Pengubahsuaian dasar ini boleh menimbulkan implikasi kepada pelbagai pihak terutamanya ibu bapa pelajar. Manakala, maklumat khususnya kos persendirian dalam bentuk dapatan kajian adalah sedikit, maka kajian ini diharapkan dapat mewujudkan satu asas yang sesuai bagi kajian-kajian masa hadapan. Maklumat daripada kajian ini juga diharapkan dapat menarik minat pengkaji-pengkaji yang lain untuk menerokai dengan sampel yang lebih besar dan skop yang lebih luas.

Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya kajian mengenai kos persendirian persekolahan ini adalah kerana persepsi bahawa sekolah adalah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan proses penetapan biaya digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan, oleh yang demikian pembiayaan sekolah kurang mendapat perhatian pihak awam (Supian, 1992). Kajian ini diharap dapat menunjukkan anggaran sebenar kos

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

persendirian untuk pelajar sekolah rendah dan merupakan satu langkah yang penting bagi menunjukkan bahawa keputusan ibu bapa tentang cara paling baik menggunakan sumber-sumber persendirian yang terhad. Hasil kajian juga dapat membuktikan kos *ingredient* paling tinggi yang dibelanjakan Ini berikutan ketiadaan kajian lepas yang terperinci berkaitan dengan kos-kos pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Sehubungan itu, kajian ini juga merupakan satu usaha ilmiah untuk menambah maklumat tersebut dari perspektif pihak-pihak awam yakni ibu bapa yang berperanan penting dalam dasar. Ia juga merupakan satu peluang bagi pihak-pihak awam terutama ibu bapa dan penjaga untuk mengambil bahagian dan memberikan pandangan mengenai kos persendirian dalam membiayai pendidikan anak-anak khasnya pelajar sekolah rendah. Dengan itu, proses pembiayaan pendidikan akan menjadi lebih telus.

Maklumat yang didapati melalui kajian boleh digunakan sebagai rujukan kepada pelbagai pihak yang berminat dan berkepentingan, seperti masyarakat pengkaji, pentadbir sekolah dan ibu bapa. Di samping itu juga hasil kajian dijangka berguna kepada pihak-pihak lain yang aktif dalam forum-forum dasar antaranya, pihak kesatuan, persatuan pengguna, persatuan pendidikan dan parti-parti politik. Maklumat-maklumat daripada kajian ini seperti kos sebenar perbelanjaan persendirian; pandangan ibu bapa terhadap kos tersebut sama ada membebankan atau sebaliknya adalah sangat berguna. Seterusnya kaitan kos persendirian terhadap jenis sekolah dan tahap pendapatan ibu bapa dapat memberikan sumbangan penting kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha merencana dasar pembiayaan bagi membantu pelajar-pelajar sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan batasan tertentu terutama sekali daripada segi peringkat sekolah yang hendak dikaji dan tempat kajian. Batasan-batasan tersebut dihuraikan melalui tajuk peringkat sekolah dan tempat kajian seperti di bawah;

1.7.1 Peringkat Sekolah

Memandangkan tanggungjawab Kementerian Pendidikan meliputi semua peringkat pendidikan, maka kajian ini akan memulakan usaha mendapatkan kos sebenar perbelanjaan persendirian dengan memfokuskan kepada kos persendirian yang melibatkan sekolah rendah. Sekolah rendah dalam kajian ini dihadkan kepada Sekolah Rendah Kerajaan yang meliputi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

1.7.2 Tempat Kajian

Sekolah rendah yang dikaji terhad kepada 6 buah sekolah rendah di Daerah Hilir Perak sahaja yang dipilih secara rawak berstrata. Oleh yang demikian dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan kepada sekolah-sekolah di Daerah Hilir Perak sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.7.3 Batasan Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada ibu bapa kepada pelajar sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil) dari tahun 1 hingga tahun 6, dari 6 buah sekolah rendah di daerah Hilir Perak yang telah dipilih secara rawak berstrata berdasarkan jenis sekolah rendah, lokasi sekolah, status sekolah, tahun persekolahan dan jantina pelajar.

Status sekolah dalam kajian ini merujuk kepada sekolah yang berstatus ‘dalam bandar’ iaitu: Sekolah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Jalan Padang Tembak 36000 Teluk Intan; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina San Min I, Jalan Pasar 36000 Teluk Intan; dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Thiruvalluvar, Jalan Ah Cheong 36000 Teluk Intan, Perak. Manakala bagi sekolah yang berstatus ‘luar bandar’ ialah: Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa 36000 Teluk Intan; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Wah Keow, Jalan Chui Chak 36700 Langkap; dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sussex, Batu 14, Jalan Bidor, 36020 Teluk Intan, Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.8 DEFINISI ISTILAH

1.8.1 Sekolah Rendah

Mengikut Akta Pendidikan (Pindaan 1996), "sekolah rendah" ertinya sekolah yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid yang berumur dan enam tahun dan diistilahkan sebagai tempat di mana sepuluh orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata.

1.8.2. Sekolah Kebangsaan

Ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan.

a) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dan umur enam tahun;
b) yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
c) yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib; dan
d) di mana kemudahan bagi pengajaran

i. bahasa Cina atau Tamil hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang pelajar di sekolah itu memintanya; dan

ii. bahasa kaum asli hendaklah diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian dan jika ibu bapa sekurang-kurangnya lima belas orang pelajar di sekolah itu memintanya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.8.3 Sekolah Jenis Kebangsaan

Ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan.

a) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi pelajar dan umur enam tahun;
b) yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama; dan
c) yang menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

1.8.4 Ibu bapa

Dalam konteks kajian ini, ibu bapa merujuk kepada ibu, bapa, penjaga dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan disisi undang-undang atau kawalan sebenar ke atas seorang pelajar.

1.8.5 Pelajar

Ertinya seseorang tanpa mengira umurnya yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di institusi pendidikan. Dalam konteks penyelidikan ini pelajar bermaksud seseorang yang belajar di sekolah rendah sama ada di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.8.6 Pembiayaan Sekolah

Istilah "pembiayaan sekolah" dalam kajian ini mengguna pakai gabungan istilah-istilah "pembiayaan pendidikan" oleh Levin (1995), dipadankan dengan batasan kajian. "Pembiayaan sekolah" dengan itu diistilahkan sebagai proses-proses mendapatkan sumber biaya, pengagihan sumber biaya kepada sekolah-sekolah dan pentadbiran sumber tersebut bagi keperluan di sekolah rendah. Proses mendapatkan sumber biaya ini juga meliputi pengagihan tanggungjawab untuk memikul beban membiayai pendidikan ke atas pelbagai kelompok atau sektor masyarakat daripada pelbagai tahap pendapatan. Sumber pembiayaan sekolah meliputi sumber hasil percukaian dan sumber persendirian, yang temasuklah bentuk-bentuk yuran dan yuran tambahan yang dikenakan bagi membiayai kos persekolahan.

1.8.7 Kos Persendirian

Kos Persendirian merujuk kepada kos isi rumah iaitu perbelanjaan secara langsung yang dikeluarkan oleh ibu bapa merangkumi wang yang digunakan bagi membayar yuran persekolahan, iaitu yuran khas, buku teks, peralatan, yuran perpustakaan, tuisyen, pakaian, pengangkutan, makan minum, buku teks, alat tulis, beg sekolah, kasut sekolah dan kos-kos lain yang berulang setiap tahun. Kos yang diambil kira hanyalah kos yang dikeluarkan oleh ibu bapa untuk tujuan pendidikan formal sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.8.8 Kos Tidak Langsung

Kos tidak langsung merujuk kepada kos melepas atau *opportunity cost* iaitu pendapatan atau peluang yang terpaksa dilepaskan disebabkan pelajar berkenaan menyambung pelajarannya. Ini bererti apabila murid menyambung pelajarannya, maka dia terpaksa mengorbankan pendapatan yang mungkin diperoleh apabila dia bekerja dan menerima upah. Namun demikian kos melepas ini hanya wujud bagi pelajar yang dibenarkan bekerja mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.9 RUMUSAN

Perbelanjaan pendidikan bukan sahaja dipikul oleh kerajaan tetapi juga oleh ibu bapa/penjaga. Sama ada secara tidak langsung melalui cukai atau secara langsung melalui perbelanjaan peribadi bagi menampung aktiviti persekolahan harian. Ibu bapa terpaksa menampung beberapa jenis jumlah kos semasa memberi pendidikan kepada anak-anak. Biaya pendidikan yang menelan jumlah sebegitu besar dan secara tekal bertambah setiap tahun bukan sahaja menuntut perbelanjaan yang efisien, bahkan pertambahan sumber-sumber lain bagi menampung keperluan biaya yang semakin bertambah. Sehubungan dengan itu kajian ini cuba menganggarkan kos persendirian pendidikan sekolah rendah di Daerah Hilir Perak. Bagi tujuan tersebut perbandingan di antara jenis sekolah, status sekolah, tahun persekolahan, jantina pelajar, pendapatan isi rumah diambilkira serta persepsi responden mengenai tahap bebanan kos persendirian persekolahan tersebut. Kajian ini memberi informasi dan dapatan yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak sama ada untuk membuat kajian atau untuk merencanakan agenda pembiayaan pada masa hadapan termasuklah Kementerian Pelajaran.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Tinjauan literatur di dalam bab ini di bahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama menghuraikan latar belakang kajian kos. Bahagian kedua memuatkan analisis bagi pembiayaan persekolahan. Diikuti dengan teori-teori yang berkaitan. Tinjauan juga dilakukan terhadap pulangan pelaburan ke atas pendidikan. Bahagian seterusnya membincangkan dapatan-dapatan kajian tentang pembiayaan sekolah di Malaysia. Bahagian keenam pula membincangkan kaedah agihan beban biaya yang diamalkan di pelbagai negara. Walau bagaimanapun, literatur tentang kos persendirian bagi sekolah rendah adalah amat terbatas. Oleh yang demikian, perbincangan adalah lebih tertumpu kepada kos pendidikan secara umum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN KOS

Kos merupakan aspek yang penting di dalam ilmu ekonomi dan perdagangan kerana ia melibatkan bagaimana sumber yang terhad dieksploitasi bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas.

Kepentingan dalam analisis kos bukan sahaja hanya setakat untuk mengetahui kos purata atau kos total bagi persekolahan pelajar tetapi adalah lebih bermakna untuk mengenalpasti bagaimana kos itu berbeza mengikut ciri-ciri pelajar di dalam sistem pendidikan. Contohnya, bagaimana kos itu berbeza mengikut lokasi sekolah, peringkat persekolahan dan jurusan pengajian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998).

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1996), mendapati terdapat perbezaan kos persendirian yang ditanggung oleh ibu bapa mengikut lokasi sekolah, iaitu sekolah luar bandar dan bandar. Jumlah perbelanjaan untuk pelajar di kawasan bandar secara purata ialah RM1290.57, manakala bagi kawasan luar bandar pula ialah RM818.62. Kos setiap pelajar mengikut tahap pendidikan bagi sekolah rendah adalah sebanyak RM958 setahun, manakala kos setiap pelajar di sekolah menengah adalah RM1410 setahun. Di sekolah asrama penuh, pembiayaan untuk setiap pelajar adalah jauh lebih tinggi, iaitu kira-kira RM6428 setahun.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kajian tersebut juga mendapati kos persendirian di peringkat menengah rendah pada tahun 1996 adalah antara RM1084 ke RM3032, berbanding dengan kos sosial pendidikan, iaitu perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan sebanyak RM1071 untuk seorang pelajar. Manakala bagi peringkat menengah atas pula, perbelanjaan isi rumah untuk seorang pelajar ialah di antara RM1610 hingga RM4412, berbanding perbelanjaan kerajaan iaitu RM1680 bagi aliran sastera dan RM2338 untuk aliran sains. Jelas di sini bahawa tahap perbelanjaan bagi kerajaan dan persendirian mempunyai hubungan yang positif dengan tahap pendidikan.

2.3 ANALISIS BAGI KOS PEMBIAYAAN PERSEKOLAHAN

Pembiayaan sekolah mempunyai perkaitan rapat dengan sumber-sumber yang dimiliki oleh masyarakat dalam usaha untuk mencapai matlamat pendidikan dan sosial sesuatu masyarakat (Levin, 1995). Setiap masyarakat sentiasa berusaha dengan sebaik mungkin untuk menyediakan sistem persekolahan bagi warga masyarakatnya dengan menggunakan sumber-sumber yang boleh dijana daripada masyarakat tersebut. Daripada segi realitinya, pendidikan sememangnya memerlukan sejumlah besar sumber kewangan daripada masyarakat. Sumber yang besar ini perlu diagih dan ditanggung oleh masyarakat memandangkan setiap masyarakat maklum bahawa satu tahap pelaburan yang minimum perlu dibuat terhadap pendidikan supaya matlamat membangunkan negara dapat dicapai (Benson, 1995).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.3.1 Kos Pendidikan

Kos pendidikan merujuk kepada sumber-sumber yang digunakan dalam menghasilkan perkhidmatan pendidikan. Kos ini bukan sahaja merangkumi perbelanjaan awam untuk pendidikan tetapi juga perbelanjaan isi rumah, derma/sumbangan kepada institusi pendidikan daripada sumber-sumber persendirian dan nilai-nilai ekonomi atau kos melepas pendidikan (Levin, 2001).

Pendidikan merupakan agenda utama di dalam bajet sesebuah negara ini dapat digambarkan dalam peruntukan bajet negara. Dasar kerajaan adalah memastikan sektor pendidikan diberi peruntukan yang besar berbanding sektor sosial dan keselamatan di negara ini tanpa mengira keadaan ekonomi sama ada baik ataupun tidak. Ini disebabkan perbelanjaan pendidikan dianggap perbelanjaan pelaburan kepada modal insan bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti pada masa hadapan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke 8 (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK-9), kerajaan memberi peruntukan pembangunan dan perbelanjaan mengurus bagi pendidikan dan latihan sebanyak RM43,729 juta atau 47.8% daripada jumlah peruntukan kerajaan bagi sektor sosial yang berjumlah RM91,419 juta (Lampiran B1). Begitu juga pembiayaan pembangunan pendidikan, di mana pendidikan rendah menerima peruntukan sebanyak RM5369.3 juta (11.5%) dalam RMK-8 kepada RM4837 juta (10.3%) dalam RMK-9. Manakala kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan pada tahun 1996 bagi setiap pelajar yang berada pada tahap pendidikan rendah adalah sebanyak RM958 setahun, kos

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

setiap pelajar pendidikan menengah adalah RM1410 setahun (Kerajaan Malaysia, 2001; 2006).

Selain daripada kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan, kos pendidikan juga ditanggung oleh isi rumah iaitu kos yang melibatkan perbelanjaan langsung seperti yuran persekolahan, pakaian seragam, buku teks, alat tulis, beg sekolah, pengangkutan, kasut dan sebagainya serta perbelanjaan tidak langsung atau kos melepas (Tsang, 1995).

2.3.2 Pembiayaan Sekolah

Istilah *school financing* atau pembiayaan sekolah adalah merujuk kepada proses pemerolehan sumber percukaian dan sumber-sumber lain bagi menubuhkan dan menyelenggara program pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, dan proses pembahagian sumber-sumber tersebut ke pelbagai peringkat sekolah di pelbagai tempat dan wilayah (Levin, 1995). Pembiayaan sekolah juga ditakrifkan sebagai proses mencari amaun dan sumber dana yang menurut pendapat awam sesuai dibelanjakan untuk tujuan pendidikan, dan proses menetapkan siapa yang perlu menanggung beban pembiayaan ini (Carnoy, 1995).

Dalam pengurusan perakauanan, pembiayaan sekolah dibahagikan kepada hasil sekolah dan kos sekolah. Hasil sekolah merujuk kepada penerimaan biaya oleh sekolah bagi tujuan aktiviti persekolahan. Hasil tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber, seperti percukaian, yuran yang dikenakan ke atas pelajar, sumbangan dan hasil lain yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dijana sendiri oleh sekolah melalui penyediaan pekhidmatan dan barangan. Kos pula adalah nilai bagi semua sumber-sumber yang digunakan dalam proses persekolahan (Levin, 1995). Dalam konteks sekolah, kos pembiayaan terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu kos institusi dan kos persendirian. Kos institusi terbahagi kepada kos pembangunan dan kos operasi (Levin, 1995). Menurut Benson (1995), kecukupan pembiayaan oleh kerajaan sesuatu sistem pendidikan diukur mengikut peratus keluaran negara kasar dan peratus agihan daripada belanjawan negara terhadap sektor pendidikan. Biasanya sesebuah negara itu dianggap telah membiayai dengan secukupnya pendidikan negara tersebut jika amaun biaya yang digunakan mencapai sekitar 8% keluaran negara kasar dan sekitar 20% belanjawan negara.

Kos persendirian yang berkaitan dengan sumber-sumber persendirian dalam pembiayaan persekolahan pula boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama: kos langsung sekolah persendirian; sumbangan isi rumah kepada sekolah; dan kos tidak langsung persekolahan (Levin, 1995). Kos langsung persendirian adalah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ibu bapa ke atas persekolahan anak-anak yang boleh dikategorikan kepada yuran sekolah dan bentuk bukan yuran. Kategori yang kedua meliputi perbelanjaan untuk buku-buku teks, rujukan, buku kerja dan buku tambahan lain, alat tulis, pakaian sekolah, beg sekolah, wang saku, pengangkutan dan asrama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Sumbangan isi rumah kepada sekolah pula meliputi sumbangan isi rumah dalam bentuk wang ringgit, tenaga, barangan atau sebagainya yang boleh digunakan oleh sekolah dengan pelbagai cara, seperti menambah buku perpustakaan dan peralatan sekolah atau membina dan mengubahsuai bangunan sekolah. Kos tidak langsung persekolahan merujuk kepada nilai ekonomi kepada mendapatkan pendapatan *(forgone earning)* berikutan kehadiran pelajar di sekolah. Kos melepas ini mungkin dalam bentuk guna tenaga pelajar dalam aktiviti produktif keluarga, seperti membantu keluarga di sawah, menternak atau menangkap hasil laut, atau mengerjakan kerja-kerja rumah membantu ibu menjaga adik-adik kecil di rumah. Kesimpulannya, kos persendirian pendidikan juga merangkumi nilai ekonomi daripada kos melepas tersebut. Beban ekonomi persendirian persekolahan ialah setakat mana keluarga menggunakan sumber-sumber yang terhad kepada persekolahan. Beban ekonomi boleh diukur sama ada sebagai sebahagian daripada peratus jumlah perbelanjaan isi rumah atau sebahagian daripada peratus pendapatan isi rumah (Levin, 1995; Tsang, 1995). Manakala Todaro (2000), mendefinisikan kos dengan lebih mudah dan ringkas iaitu perbelanjaan untuk pembiayaan sekolah merangkumi yuran sekolah, buku, pakaian dan kos yang berkaitan.

Permintaan untuk persekolahan adalah berhubungan secara songsang dengan kos langsung persekolahan. Bagi golongan miskin kos langsung persekolahan biasanya merupakan satu tanggungan yang berat dan merupakan satu kekangan kewangan. Sebagai contoh kos purata untuk persekolahan peringkat rendah (tidak termasuk kos melepas) biasanya melebihi 20% daripada pendapatan perkapita (Todaro, 2000).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.3.3 Tanggungjawab ke Atas Kos Pendidikan

Setiap masyarakat perlu menetapkan pendirian tentang siapa dan pihak mana yang perlu membiayai kos sumber-sumber yang diperlukan dalam pendidikan. Statistik rasmi kos pendidikan biasanya terhad kepada komponen awam. Tetapi untuk kebanyakan negara sebahagian besar kos-kos pendidikan ditanggung sendiri oleh isi rumah. Kos pendidikan bukan sahaja meliputi kos menyampaikan pendidikan iaitu kos pembangunan untuk menyediakan bangunan dan peralatan dan kos operasi yang berulang setiap tahun seperti gaji guru dan alat yang digunakan. Tetapi ia juga meliputi kos persendirian yang meliputi kos langsung seperti yuran dan peralatan, sumbangan dalam pelbagai bentuk daripada ibu bapa, serta kos tidak langsung dalam bentuk pendapatan melepas *(forgone earning)* yang ditanggung oleh pelajar dan keluarga (Tsang, 1995).

Dalam hal ini suatu pendekatan yang digunakan untuk menetapkan pendirian adalah berdasarkan kepada faedah yang diterima. Ini bermaksud kos pendidikan perlu dibiayai oleh pihak-pihak yang mendapat faedah daripada pendidikan. Pihak-pihak yang mendapat pulangan daripada pendidikan merangkumi individu, keluarga, masyarakat dan negara. Individu dan keluarga mendapat pulangan dalam bentuk-bentuk pendapatan dan status yang lebih tinggi serta akses kepada peluang-peluang dengan lebih luas. Negara pula menerima pulangan dalam bentuk rakyat yang berkualiti, produktif, penggunaan bahasa dan nilai yang sama, dan rakyat yang diwarganegarakan melalui pendidikan (Levin, 1995).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.3.4 Sumber Kewangan Bagi Sekolah

Kerajaan telah menggembleng pelbagai bentuk sumber bagi membiayai sekolah awam. Sama ada sumber awam atau sumber persendirian. Sumber awam yang digunakan oleh kerajaan dalam membiayai pendidikan boleh dikategorikan kepada dua bentuk, iaitu sumber percukaian dan sumber daripada pembiayaan defisit. Selain daripada sumber awam sebahagian sekolah awam ditampung oleh sumber persendirian. Sumber persendirian merupakan sumber yang penting kepada sekolah. Sumber ini meliputi yuran persekolahan yang dikenakan oleh sekolah ke atas pelajar, sumbangan, derma dalam pelbagai bentuk sama ada wang ringgit, barangan, peralatan atau tenaga kepakaran daripada pelbagai pihak awam, swasta, masyarakat setempat dan persendirian (Tsang, 1995; Levin, 1995). Sumber persendirian ini diperincikan seperti berikut:

a) Yuran

Yuran dikenakan oleh sekolah dalam menampung keperluan biaya sekolah sebagai bayaran sampingan. Selain daripada itu sekolah-sekolah juga mengenakan yuran dengan kadar yang berbeza. Di negara-negara sedang membangun terdapat sekolah yang mengenakan yuran yang begitu tinggi sehingga tidak termampu oleh ibu bapa, terutamanya daripada golongan miskin. Di negara-negara maju, yuran dikenakan pada kadar yang minimum atau tidak dikenakan langsung. Ini berikutan keupayaan kerajaan dalam menampung kesemua kos biaya sekolah, sama ada kos langsung atau kos tidak langsung. Kesan daripada yuran menimbulkan pelbagai isu. Kadar yang tinggi menutup

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

akses persekolahan kepada kanak-kanak daripada golongan miskin. Kadar yang minimum atau tiada yuran pula membebankan sumber kewangan kerajaan dan pihak awam sebagai pembayar cukai. Yuran berbeza-beza di antara sekolah pula membezakan klien di sekolah-sekolah tersebut. Ini mendatangkan kerumitan daripada segi perbezaan kualiti, ekuiti dan perpaduan. Pelajar miskin dan pelajar kaya akan memilih sekolah mengikut keupayaan ibu bapa mereka dalam membeli perkhidmatan pendidikan melalui dan yuran yang dibayar. Dalam konteks Malaysia, kerajaan mengumumkan yuran persekolahan percuma sepenuhnya, iaitu yuran sekolah antara RM4.50 hingga RM9.00 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007a) dan juga pemansuhan yuran perperiksaan awam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007b). Ironinya yuran tambahan yang mencecah ratusan ringgit terus meningkat dari masa ke semasa. Buku teks yang diberikan percuma juga kurang membantu dalam konteks ini kerana sebahagian besar sekolah cenderung menggunakan buku latihan yang terpaksa dibeli berbanding buku teks yang dibekalkan secara percuma kepada setiap pelajar. Sementara itu terdapat pula desakan untuk menuntut dan mengistiharkan supaya persekolahan diberikan percuma kepada semua (Tsang, 1995; Woodhall, 1995a).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

b) Sumbangan dan Derma

Orang perseorangan, korporat, dermawan dan ahli masyarakat menjadi satu sumber penting yang menyumbang kepada kewangan sekolah. Sumbangan biasanya disalurkan terus kepada sekolah atau melalui badan-badan yang mewakili ibu bapa pelajar sekolah seperti persatuan ibu bapa dan guru atau badan pengelola sekolah. Sumbangan dan derma, walaupun besar jumlahnya tidak dilihat sebagai satu sumber yang begitu kukuh bagi membiayai kebanyakan sekolah. Hal ini demikian kerana memandangkan ianya bukanlah merupakan sumber yang tetap (Bray, 1995; Tsang, 1995).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.4 TEORI-TEORI YANG BERKAITAN

2.4.1 Teori Modal Manusia *(Human Capital Theory)*

Modal manusia atau modal insan *(human capital)*, menurut Becker (1975), ialah *"the capacity of human beings to be productive to support their well being"* dan *"that people are called human capital because they cannot be separated from their financial and physical assets". '.....education, training, medical care, and so on are investments in human capital'*. Segala pembiayaan, termasuklah pendapatan yang dilepaskan *(forgone earning)*, kearah memodalkan diri dalam bentuk pendidikan dan latihan ini dianggap sebagai pelaburan yang memberikan pulangan yang jelas lebih lumayan berbanding dengan pelaburan ke atas modal fizikal. Manakala Woodhall (1995b) menyatakan manusia yang melabur dalam pendidikan atau latihan akan meningkatkan pendapatan pada masa hadapan, dan akan meningkatkan keseluruhan kehidupannya.

Tulisan–tulisan awal dari pakar-pakar dalam ekonomi pendidikan seperti Schultz (1968); Carnoy (1995), menjelaskan bahawa perhatian ahli ekonomi mula tertumpu kepada pendidikan formal sejak tahun 1960an. Hal ini boleh dilihat dalam tiga aspek. Pertama ahli ekonomi hendak mengaitkan pendidikan dengan pembangunan ekonomi, keduanya, mereka ingin menilai sejauh mana perkembangan pendidikan boleh dijustifikasikan secara ekonomi *(in economic term)* dan ketiga, bidang pendidikan yang perlu ditekankan oleh kerajaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Persoalan ini timbul apabila ahli-ahli ekonomi tidak dapat mengaitkan sepenuhnya modal-modal fizikal dengan pertumbuhan ekonomi.Berikutan daripada itu, pandangan baru bahawa penghasilan ilmu adalah juga merupakan satu aktiviti ekonomi dan merupakan satu industri telah dimajukan. Daripada pandangan ini lahirlah satu konsep atau teori baru yang dikenali sebagai *Human Capital Theory*. Sebagai analogi kepada *physical capital*, *human capital* atau modal manusia adalah modal yang seiring dalam menghasilkan kekayaan melalui pelaburan ke atas manusia dalam bentuk pendidikan dan latihan. Bukannya melalui pelaburan dalam modal fizikal seperti kilang, peralatan dan sebagainya. Dengan mengambil kira modal manusia bersama modal fizikal yang lain, ahli ekonomi berjaya menyenaraikan sepenuhnya input bentuk-bentuk modal yang menyumbang kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Konsep modal manusia adalah berteraskan kepada aktiviti manusia mendapatkan pendidikan dan latihan dalam usaha untuk memodalkan diri bagi meningkatkan produktiviti. Individu yang mempunyai produktiviti tinggi bukan sahaja menerima upah yang tinggi, mereka juga menyumbang kepada peningkatan pengeluaran negara dan kemakmuran serta kesejahteraan masyarakat. Konsep ini sebenarnya tidak banyak berbeza dengan peniaga-peniaga mengumpul stok modal fizikal seperti, tanah, kilang peralatan dan sebagainya. Cuma mengikut teori ini pelajar-pelajar mengumpulkan stok modal manusia dengan melaburkan masa, wang dan tenaga untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran melalui pendidikan dan latihan. Pulangan daripada pelaburan ini bukan sahaja menguntungkan pelajar dan ibu bapa, bahkan kepada masyarakat dan negara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Burrup (1993), merumuskan kepentingan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi negara tidak dapat dipersoalkan lagi. Dari sudut sejarah, pendidikan telah menjadi fungsi awam yang terbesar serta menjadi tanggungjawab terbesar sesebuah negara, khususnya daripada aspek bilangan tenaga kerja dan wang yang dilaburkan dalam pengendalian operasinya. Pengembangan perkhidmatan pendidikan dan pertambahan kos yang amat besar setiap tahun mempunyai kesan yang amat berguna kepada ekonomi negara. Keadaan ini nampaknya akan berterusan dan tidak mungkin berubah. Menurut beliau lagi kebanyakan ahli ekonomi sedar akan kepentingan pelaburan dalam pendidikan demi membangunkan modal insan sesebuah negara. Ahli-ahli ekonomi pada masa dahulu menekankan kepada peranan tanah, buruh dan modal dalam mencapai pertumbuhan ekonomi dan mereka tidak begitu memberi perhatian kepada kepentingan ekonomi pendidikan.

Berlandaskan teori modal manusia Lewin, Little dan Colclough (1982), mendapati bahawa rasional pengembangan perkhidmatan pendidikan adalah untuk pembangunan tenaga manusia. Rasional bagi pembangunan tenaga manusia adalah bertemakan pembinaan kapasiti dalam sektor tenaga manusia, selaras dengan objektif membangunkan negara. Rasional ini diasaskan kepada hujah yang menitikberatkan keperluan untuk mewujudkan tenaga kerja yang terdidik dan mempunyai kemahiran asas, dan kemahiran-kemahiran spesifik lain yang boleh disediakan oleh sekolah dan program-program pendidikan lain. Tujuannya ialah untuk: meningkatkan stok kemahiran am yang relevan bagi pembangunan negara; meningkatkan stok kemahiran am yang relevan bagi sektor moden; memperbaiki keupayaan dalam bidang sains dan teknologi; menyediakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pengetahuan dan kemahiran dalam membangunkan sektor pertanian; meyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan kawasan luar bandar; meningkatkan prospek kerjaya persendirian *(self employment)*; menyediakan latihan vokasional yang khusus; memperluaskan literasi bagi peningkatan produktiviti dan inovasi; dan membangunkan program-program pendidikan tidak formal.

Peningkatan kualiti dan kuantiti modal manusia ini adalah berikutan pelaburan dalam bentuk pendidikan dan latihan ke atas tenaga kerja. Dapatan kajian-kajian ini memperkukuhkan kedudukan teori modal manusia sehingga teori ini menjadi rasional utama dalam memperkembangkan pendidikan di pelbagai negara membangun. Premis ini seolah-olah menganggap modal manusia sebagai satu penyebab utama kepada pertumbuhan ekonomi dan bukannya bersifat korelasi (Lewin, Little dan Colclough 1982; Carnoy et al.1982).

Di Malaysia, modal insan adalah 'individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara; mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah' (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Maka pembangunan modal manusia adalah perlu bagi melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi untuk keperluan negara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.4.2 Teori Modenisasi *(Modernization Theory)*

Teori Modenisasi lahir dalam tahun lima puluhan melalui pengkajian David McClelland seorang pakar sosiopsikologi yang cuba memperjelaskan mengapa sesetengah masyarakat lebih berjaya berbanding masyarakat lain dalam mencapai tahap organisasi sosial dan teknologi yang lebih tinggi. Beliau berhujah bahawa faktor utama yang membezakan tahap pencapaian sosial dan teknologi antara pelbagai masyarakat terkandung di dalam budaya dan cara ahli-ahli masyarakat tersebut. Faktor tersebut ialah tahap motivasi, tahap kecemerlangan atau tahap keperluan untuk berjaya *(need for achievement)* yang ada pada setiap ahli masyarakat. Menurut teori ini tahap maju mundurnya sesuatu masyarakat itu bergantung kepada komposisi ahli-ahli masyarakat yang bermotivasi tinggi. Ahli-ahli masyarakat yang bermotivasi tinggi inilah yang bertindak sebagai penjana dan pembuka ruang dan jalan ke arah kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat tersebut. Masyarakat maju mengandungi individu-individu yang bercita-cita tinggi atau bermotivasi tinggi pada kadar yang tinggi juga berbanding dengan masyarakat yang kurang maju.

Dalam erti kata lain, komposisi majoriti masyarakat maju adalah individu-individu yang bermotivasi tinggi dan cemerlang dan ini merupakan punca mengapa masyarakat itu maju (Fargerlind & Saha, 1989).

Sebaliknya dalam memperjelaskan kesan pendidikan ke atas ekonomi, teori ini menghujahkan bahawa institusi pendidikan moden seterusnya menyumbang ke arah memajukan lagi proses permodenan masyarakat terutamanya dalam pertumbuhan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ekonomi dan pembangunan. Ini berlaku memandangkan pendidikan memberikan dua jenis kesan ke atas masyarakat. Pertama, pendidikan moden mensosialisasikan pelajar kepada nilai dan orientasi moden, dan ke tahap keupayaan yang lebih tinggi. Apabila pelajar-pelajar ini memikul peranan produktif dalam masyarakat, stok bagi kemahiran dan behaviorisme moden yang terkandung di dalam sistem politik dan kerjaya mengalami peningkatan. Kesan pengumpulan individu-individu yang terdidik secara moden ini menambah kepada agregat modenisasi dan pembangunan di tahap masyarakat. Keduanya, pendidikan juga mengajar kemahiran yang berkaitan dengan kerjaya dan dengan itu meningkatkan tahap kemahiran ahli-ahli masyarakat. Dalam konteks ekonomi, ini membolehkan individu-individu tersebut lebih produktif dan meningkatkan keefisienan teknikal dan seterusnya meningkatkan agregat pertumbuhan ekonomi (Fargerlind & Saha, 1989).

Teori Modenisasi dibina berasaskan satu set proses yang mempunyai perkaitan timbal balas dan yang saling memperkukuhkan antara pendidikan dan ekonomi. Perkaitan ini dipecahkan kepada dua bahagian, pertama teori ini menjelaskan kesan ekonomi ke atas pendidikan dan kedua menjelaskan perkaitan sebaliknya iaitu kesan pendidikan ke atas ekonomi. Kedua-dua bahagian perkaitan ini mempunyai hubungan timbal balas yang saling memperkukuhkan kedua-duanya. Dalam memperjelas kesan ekonomi ke atas pendidikan, teori ini menegaskan bahawa dalam masa sesebuah masyarakat itu mengalami proses permodenan organisasi ekonomi dan teknologi produktif menjadi semakin kompleks. Oleh sebab itu perhubungan sosial atau kemahiran sosial yang diperlukan dalam pengurusan dan penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi diasing-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

asingkan, dirasionalkan dan sejagat *(differentiated, rationalized and universal)*. Dalam keadaan ini agensi atau institusi sosialisasi tradisional seperti keluarga, gereja dan masyarakat kampung tidak lagi berupaya untuk menyediakan ahli-ahli masyarakat untuk mengambil bahagian dalam peranan-peranan moden. Justeru, sistem pendidikan ditubuhkan secara formal sebagai mekanisme untuk memberikan proses sosialisasi yang sesuai dengan tuntutan kemahiran dan behaviorisme moden (Fargerlind & Saha, 1989).

Daripada segi aplikasi ke arah pertumbuhan pembangunan dan ekonomi, teori modenisasi menghujahkan bahawa jika sesuatu masyarakat itu hendak mencapai tahap moden dan maju daripada segi ekonomi dan sosial, ia perlulah mempunyai komposisi populasi yang mengamalkan nilai, kepercayaan dan tingkah laku yang moden. Sehubungan dengan itu, teori modenisasi berpegang kuat kepada pendapat bahawa sekolah adalah satu institusi permodenan atau agen permodenan yang terpenting dalam usaha memodenkan masyarakat tradisional dalam aspek sosial dan ekonomi. Sekolah mengikut teori ini merupakan institusi yang penting dalam menghasilkan masyarakat moden yang berupaya menangani cabaran perubahan sosial dan ekonomi yang deras, serta memenuhi keperluan-keperluan institusi moden (Fargerlind & Saha, 1989).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.5 PULANGAN PELABURAN PENDIDIKAN

Bahagian ini meninjau literatur berkaitan sejauhmana pelaburan dalam sektor pendidikan mampu meningkatkan modal manusia berdasarkan pulangan sosial dan persendirian yang diterima. Hasil daripada kajian literatur yang ditinjau daripada pelbagai aspek bahagian ini juga penting bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan pelaburan dalam sektor pendidikan. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Psacharopoulos (1987), mendapati kadar pulangan pendidikan di beberapa benua terpilih bagi golongan yang mendapat pendidikan di sekolah umum mempunyai kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang mendapat pendidikan vokasional. Malahan, kadar pulangan sosial di negara-negara membangun juga lebih tinggi berbanding negara maju, khususnya di peringkat sekolah rendah.

Kajian berkenaan kadar pulangan sosial yang dilakukan oleh Thias dan Carnoy (1972), di Kenya pada tahun 1968 membabitkan peringkat pencapaian pendidikan dan tempoh masa persekolahan pelajar. Hasil keputusan kajian mendapati kadar pulangan sosial pelajar sekolah rendah adalah jauh lebih tinggi berbanding pelajar sekolah menengah mahupun pelajar universiti terutamanya yang membabitkan tempoh masa persekolahan lima hingga tujuh tahun. Sementara kadar pulangan sosial adalah paling rendah di peringkat tertiari.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian Tan Jee-Peng (1985), melibatkan analisis kadar pulangan persendirian pada tingkat pencapaian pendidikan sekolah menengah mengikut jantina. Beliau telah mengukur jumlah kos persendirian pelajar sepanjang tempoh persekolahan menengah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Antara kos persendirian yang diambil kira ialah, yuran sekolah, pakaian seragam sekolah, kos pengangkutan, peralatan sekolah dan kos perbelanjaan buku. Kajian beliau kemudiannya dibahagikan kepada sekolah kerajaan dan sekolah swasta mengikut bidang pengkhususan pelajar. Didapati kadar pulangan persendirian pelajar lelaki dan perempuan dari sekolah swasta adalah lebih tinggi berbanding pelajar sekolah bantuan kerajaan. Tetapi dalam bidang teknikal, kadar pulangan persendirian pelajar perempuan dari sekolah kerajaan adalah lebih tinggi jika dibandingkan pelajar perempuan di sekolah swasta dan pelajar lelaki secara keseluruhan.

Kajian yang dilakukan oleh Rahmah Ismail (1987), di Malaysia yang menggunakan data *Family Life Survey* (1977- 1987), telah menganggarkan persamaan regresi modal manusia dengan memasukkan pemboleh ubah patung *(dummy)* bagi jenis pendidikan, aliran pengantar pendidikan, keturunan, lokasi, sektor dan taraf pekerjaan. Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, kadar pulangan pendidikan berada dalam lingkungan 8 hingga 11% (bergantung pada jenis sampel). Pekerja yang berkelulusan sekolah pengantar bahasa Inggeris didapati menerima perolehan sekurang-kurangnya 17% lebih tinggi daripada aliran lain.

Kajian yang membabitkan aspek keturunan pula telah dikaji oleh Anand (1983), dengan menggunakan data Penyiasatan Banci 1970, telah mengkaji fungsi perolehan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pekerja di kawasan bandar. Beliau telah menggunakan logarithma pendapatan tahunan sebagai pemboleh ubah bersandar dan tempoh masa persekolahan serta pengalaman bekerja, beliau mendapati kadar pulangan pendidikan bagi kaum Bumiputera adalah lebih tinggi (12.8%) berbanding kaum Cina (7.9%) dan India (6.5%).

Sementara analisis kadar pulangan pendidikan yang melibatkan kajian kes di beberapa lokasi terpilih juga pernah dijalankan. Psacharopoulos (1994), telah menggunakan data pendapatan per kapita di beberapa negara kajian dan mendapati kadar pulangan sosial bagi negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang rendah adalah lebih tinggi berbanding dengan negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi. Tetapi dari sudut kadar pulangan persendirian pula, kajian beliau mendapati tingkat pencapaian peringkat tertiari di negara berpendapatan per kapita yang rendah adalah lebih tinggi daripada peringkat sekolah menengah. Namun, di negara maju, kadar pulangan persendirian daripada tingkat pendidikan sekolah menengah adalah lebih tinggi dari peringkat tertiari.

Rahmah, (2007) mendapati kadar pulangan pendidikan sama ada sosial atau persendirian adalah paling tinggi bagi pendidikan rendah diikuti oleh peringkat tertiari dan menengah. Kadar pulangan pendidikan peringkat rendah adalah dalam lingkungan 26% hingga 33%. Sementara kadar pulangan peringkat menengah adalah dalam lingkungan 11% hingga 25%. Perbandingan antara kadar pulangan sosial dengan kadar pulangan persendirian pula menunjukkan kadar pulangan persendirian adalah lebih tinggi daripada kadar pulangan sosial.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6 KAJIAN BERKAITAN DI MALAYSIA

Sesebuah negara sentiasa berusaha untuk mengagihkan hasil kerajaan yang dikutip bagi membangunkan negara dengan adil dan saksama. Dalam konteks Malaysia, kerajaan mengagihkan pendapatan dan kekayaan negara ke arah mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan taraf sosioekonomi di kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program pembangunan. Kajian dalam jangkamasa 1960-1970 mendapati impak daripada percukaian telah memperbaiki pengagihan pendapatan penduduk bandar, kaum Cina dan kaum India, tetapi memburukkan pengagihan pendapatan di kalangan penduduk luar bandar dan kaum Melayu. Dari segi pengagihan belanjawan awam pula, didapati pengagihan telah memberikan faedah yang berlebihan kepada golongan yang bukan daripada kalangan yang miskin, terutamanya golongan pertengahan (Ismail, 1982).

Masyarakat memandang sektor pendidikan di Malaysia penting daripada tiga sudut. Daripada sudut politik, pendidikan dianggap penting sebagai satu kekuatan ke arah modenisasi. Pendidikan juga penting bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dan daripada sudut modal manusia, pendidikan dianggap penting ke arah peningkatan pulangan kepada individu dan masyarakat. Pulangan ini pula bukan sahaja terhad kepada kerjaya malah berkaitan dalam pelbagai aspek lain. Namun demikian, pendidikan juga telah disalahgunakan sebagai alat penyaring *(screening)* untuk memilih dan mengagih individu ke pelbagai tahap sosioekonomi seterusnya sebagai alat mensosialisasikan semula ahli-ahli masyarakat *(sosial reproduction)* ke arah kedudukan masing-masing dalam hirarki masyarakat (Snodgrass, 1980). Dengan demikian, terdapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ketidakseimbangan dalam peluang pendidikan, dan ini telah memberikan satu impak besar yang memburukkan lagi ketidakseimbangan ekonomi dan agihan pendapatan.

Pembiayaan bagi pendidikan merupakan contoh yang jelas bagi menggambarkan kedudukan ini. Daripada sudut pemberian peluang pendidikan, pembiayaan awam dalam sektor pendidikan hanya memenuhi 84% keperluan pendidikan isi rumah kumpulan terbawah, tetapi isi rumah suku teratas mendapat akses kepada kemudahan pendidikan yang mampu memenuhi 137% keperluan. Golongan kaya ini juga merupakan golongan yang menikmati sebahagian besar kemudahan pendidikan di tahap lepas menengah. Dari segi peluang mendapatkan pendidikan memburukkan lagi keadaan. Walaupun peluang pendidikan secara langsungnya diberikan percuma, tetapi peluang tersebut, di kalangan golongan pendapatan rendah, adalah terbatas memandangkan golongan tersebut kurang mampu dalam membiayai kos persendirian pendidikan, yang meliputi kos pengangkutan, pakaian seragam, yuran dan sebagainya. Keadaan yang sama juga berlaku dalam penggunaan kemudahan awam yang lain seperti perubatan, bekalan elektrik, air, pembentungan dan sebagainya (Ismail, 1982). Justeru, kos pendidikan di peringkat tersebut perlu ditanggung bersama oleh golongan ini dalam bentuk kadar yuran yang dinaikkan, dan pada masa yang sama golongan berpendapatan rendah perlu dibantu dengan biasiswa dan sebagainya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Satu kajian mengenai kos persendirian oleh Osman Rani (2007), telah mengenal pasti bahawa terdapat perbezaan kos persendirian yang ditanggung oleh ibu bapa antara kawasan bandar dan luar bandar. Purata pendapatan ibu bapa (ditakrifkan jumlah pendapatan ibu dan bapa) di kawasan bandar ialah RM21,417 setahun berbanding dengan RM12,438 pendapatan ibu bapa di luar bandar. Kajian menggunakan data rentas pada tahun 2005, dengan sampel 1742 orang pelajar tingkatan empat daripada 25 buah sekolah kerajaan menghasilkan beberapa pemerhatian seperti berikut iaitu, pertama, keluarga yang mempunyai latar belakang status sosioekonomi tinggi merekodkan pendapatan yang tinggi, pencapaian pendidikan yang tinggi, cenderung untuk membelanjakan lebih ke atas pendidikan. Kedua, perbelanjaan yang mencukupi untuk pendidikan, terutama biaya untuk kelas tambahan dan buku-buku tambahan adalah penting kerana ia mungkin menghasilkan keputusan pendidikan yang lebih baik kepada pelajar.

Bukti ini menunjukkan kepentingan melebarkan kemudahan pendidikan /persekolahan kepada semua. Memberikan bantuan kewangan yang mencukupi seperti subsidi dan biasiswa untuk pelajar miskin sepatutnya terus menjadi agenda yang utama. Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian mendalam ialah peranan tuisyen tambahan mengikut mata pelajaran dalam mempengaruhi prestasi. Jika satu polisi itu membolehkan pelajar tersebut untuk terus berada di sekolah, tetapi kurang kemudahan, kesamaan dengan pelajar lain dan kemampuan untuk menguatkan sistem penyampaian pelajar miskin akan hanya mendapat pulangan yang berkaitan dengan lama persekolahan bukan mutu persekolahan. Jadi kadar pulangan pelaburan terhadap persekolahan tidaklah setinggi pencapaian pelajar yang kaya. Ini tidak membantu mengurangkan jurang pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

bandar dan luar bandar. Seperti yang dinyatakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), *"the weakness in the education system is the wide disparity between the performance of pupils in rural and urban areas."* (New Sunday Times, 10 September, 2006). Usaha untuk mengurangkan jurang prestasi luar bandar dan bandar berterusan melalui peningkatan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, ianya meliputi kemudahan makmal komputer, dan menempatkan guru-guru terlatih ke kawasan tersebut. Walaupun dengan sokongan kewangan yang menyeluruh/meluas oleh kerajaan kepada aktiviti sekolah, tetapi aktiviti-aktiviti ini sebenarnya bukanlah percuma, ibu bapa masih menanggung sebahagian daripada kos pendidikan anak-anak mereka melalui yuran-yuran yang berkaitan.

Jadual 2.1 menunjukkan, purata kos persekolahan iaitu sebanyak RM1782 per pelajar setahun. Kos untuk luar bandar purata RM1590 kira-kira 22% lebih rendah daripada kawasan bandar (RM2045). Jika di ketepikan komponen tidak wajib yang dikumpulkan di bawah kategori (lain-lain) seperti yuran asrama, lawatan sekolah dan insuran, jumlah kos persekolahan boleh dikurangkan sebanyak 10%. Tanggungan kewangan ibu bapa akan berkurangan sebanyak 10% lagi jika ditolak komponen subsidi. Secara keseluruhan, komponen yang terbesar daripada kos persendirian persekolahan adalah wang saku yang merangkumi 29%, tuisyen 21.6% dan pengangkutan sebanyak 14% daripada kos keseluruhan. Ibu bapa membelanjakan purata RM400 setahun untuk seorang anak sebagai wang saku untuk makanan dan RM348 per pelajar setahun untuk tuisyen. Peratus yang tinggi dibelanjakan untuk tuisyen, menggambarkan sikap ibu bapa terhadap kepentingan persekolahan untuk mencapai keputusan yang baik. Komponen

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

wajib yang lain seperti yuran sekolah, uniform adalah agak kecil yang mana kesemuanya adalah 15% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Buku teks dan alat tulis adalah kira-kira 12%. Sementara pada umumnya kos persekolahan adalah rendah di kawasan luar bandar tetapi apa yang menghairankan dalam pembahagian ini ialah, bahagian yang dibelanjakan untuk wang saku dan yuran sekolah di luar bandar adalah lebih tinggi berbanding di kawasan bandar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 2.1 Kos Purata Persekolahan Sekolah Menengah (RM)

Item	Bandar (%)	Luar Bandar (%)	Jumlah (%)
Yuran Sekolah(Kurikulum)	96 (5.3)	112 (7.7)	106 (6.6)
Buku Teks, Alat tulis	202 (11.1)	188 (12.9)	194 (12.0)
Pakaian Seragam	120 (6.6)	119 (8.2)	120 (7.4)
Pengangkutan	270 (14.8)	194 (13.3)	224 (13.9)
Wang Saku	495 (27.7)	448 (30.8)	467 (29.0)
Tuisyen	503 (27.6)	231 (15.9)	348 (21.6)
Subsidi (Buku Teks)	136 (7.5)	164 (11.2)	153 (9.5)
Jumlah	1822 (100)	1456 (100)	1611 (100)
Lain-lain (Yuran Asrama, Lawatan, Insuran)	223	135	171
Jumlah Keseluruhan	2045	1590	1782

Sumber: Osman Rani, (2007).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Seperti yang dijangka, kanak-kanak luar bandar mendapat 11.2% subsidi seperti asrama, baucer tuisyen, Kumpulan Wang Amanah Pelajar (KWAMP), berbanding 7.5% pelajar di kawasan bandar. Manakala perbelanjaan pendidikan yang tinggi untuk pelajar di kawasan bandar adalah untuk membeli buku teks, bayaran pengangkutan, dan tuisyen. Seorang pelajar bandar membelanjakan sebanyak RM503 setahun untuk tuisyen berbanding RM231 setahun untuk pelajar luar bandar.

Jadual 2.2 menunjukkan peratusan pendapatan yang digunakan untuk kos persekolahan di bandar dan luar bandar. Peratus kos keseluruhan bagi seorang anak ialah 9.1%. Peratus luar bandar adalah lebih tinggi iaitu 10.5% berbanding 8.3% di bandar. Manakala kos bagi kesemua anak yang bersekolah secara keseluruhan ialah 26.9%, ibu bapa dari luar bandar mencatatkan peratus kos persekolahan 33.8% berbanding 22.9% ibu bapa di bandar.

Jadual 2.2 Kos Persendirian untuk Pendidikan (Peratus daripada Pendapatan)

	Bandar (%)	Luar Bandar (%)	Total (%)
Kos seorang anak yang bersekolah	8.3	10.5	9.1
Kos semua anak yang bersekolah	22.9	33.8	26.9

Sumber: Osman Rani, (2007).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 2.3 menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap kos persekolahan. Seperti yang ditunjukkan adalah memeranjatkan hampir 23.9% ibu bapa dari bandar menganggap tanggungan kewangan persekolahan sebagai amat membebankan berbanding hanya 19.5% ibu bapa dari kawasan luar bandar. Satu penjelasan yang mungkin ialah bantuan kewangan yang diterima oleh ibu bapa luar bandar telah membantu meringankan beban mereka lebih daripada ibu bapa dalam bandar.

Jadual 2.3 Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian

	Bandar (%)	Luar Bandar (%)	Total (%)
Amat Membebankan	23.9	19.5	21.2
Membebankan	59.6	53.6	56.0
Tidak Membebankan	16.5	26.9	22.8

Sumber: Osman Rani, (2007).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.7 AGIHAN BEBAN BIAYA

Kajian oleh *World Education Indicator–Survey of Primary Schools* (WEI-SPS) UNESCO, (2008) mendapati sumber-sumber yang mencukupi adalah penting untuk sistem persekolahan untuk memberi suatu standard terhadap peluang pembelajaran bagi menyokong inovasi dalam pengajaran. Seperti Jadual 2.4 terdapat satu variasi/perbezaan yang sangat besar di kalangan negara WEI-SPS mengenai amaun sumber terhadap setiap pelajar sekolah rendah. Untuk perbandingan antarabangsa data perbelanjaan ditukarkan kepada Pariti Kuasa Beli[1] "*Purchasing Power Parities"* (PPPs). PPP disebut dalam *United States Dollar* (USD). Perbelanjaan pendidikan setiap pelajar sekolah rendah adalah sangat tinggi di Chile (PPP$2120) diikuti Argentina(PPP$1605) Malaysia (PPP$1552), Brazil (PPP$1159) dan Uruguay (PPP$1063). Manakala perbelanjaan pendidikan seorang pelajar adalah rendah di India, Paraguay, Peru dan Filipina. Dengan kata lain, Chile membelanjakan 3 kali lebih banyak ke atas pelajar sekolah rendahnya berbanding 4 negara WEI-SPS. Bila melihat kepada sumber yang dibelanjakan ke atas setiap pelajar, adalah penting untuk mengenalpasti negara-negara yang mempunyai kekayaan yang serupa mungkin melaburkan sumber pada tahap yang berbeza untuk pendidikan seperti dalam Jadual 2.4. Tunisia dan Chile melaburkan sebahagian yang besar daripada kekayaan negara dalam pendidikan, iaitu 7.3% dan

[1] Teori pariti kuasa beli (purchasing power parity) menggunakan kadar pertukaran keseimbangan dua mata wang jangka masa panjang untuk menyamakan kuasa belinya. Teori yang dibangunkan oleh Gustav Cassel pada tahun 1920 ini berasaskan hukum satu harga, iaitu teori bahawa dalam pasaran cekap yang ideal, barang-barang yang serupa wajar ada satu harga sahaja. Kadar pertukaran pariti kuasa beli menyamakan kuasa beli mata wang berlainan di negara asal masing-masing.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Jadual 2.4 Agihan Perbelanjaan Kepada Institusi Pendidikan

Negara	Tahun Kewangan	Perbelanjaan setiap pelajar	Perbelanjaan semua peringkat pendidikan (% KNK)		Perbelanjaan awam untuk Sekolah Rendah (% KNK)	Agihan perbelanjaan untuk pendidikan sekolah rendah	
			Sumber awam	Sumber persendirian		Sumber awam	Sumber persendirian
Argentina	2004	1605[1]	3.8	0.8	1.4	87.6	12.4
Brazil	2004	1159[1]	3.9	…	1.5	…	…
Chile	2005	2120	3.3	3.1	1.3	69.4	30.6
India	2004	484	3.6	1.2	1.2	65.8	34.2
Malaysia	2004	1552[1]	5.8	…	1.8	…	…
Paraguay	2003	681	4.3	1.6	2.0	83.1	16.9
Peru	2005	479[1]	2.7	0.7	1.0	88.8	11.2
Filipina	2004	458[1]	2.7	1.9	1.5	…	…
Tunisia	2005	…	7.3	…	…	…	…
Uruguay	2004	1063	2.7	…	0.8	84.9	15.1

Sumber : UNESCO, (2007).

Nota:
… Data tidak diperolehi
1. Institusi awam sahaja

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

6.4% daripada KNK masing-masing. Tunisia dan Malaysia memperuntukkan sebahagian yang sangat besar daripada sumber ekonominya berbanding dengan lapan negara negara lain, sekurang-kurangnya 2 kali ganda daripada negara yang melabur paling sedikit (Peru, Filipina, dan Uruguay). Amaun relatif perbelanjaan pendidikan daripada sumber awam ini adalah satu indikasi kepada kepentingan dan komitmen kerajaan terhadap pendidikan. Keseluruhannya negara-negara WEI-SPS memperuntukkan 3.7% perbelanjaan awam kepada pendidikan termasuk 1.4% untuk pendidikan rendah. Paraguay mendahului WEI dengan melabur 2% dalam pendidikan rendah; Uruguay mencatatkan peratus perbelanjaan awam yang terendah daripada peratus KNKnya iaitu 0.8%.

Kajian oleh UNESCO (2008), mendapati maklumat daripada pentadbir sekolah mengenai peratus penglibatan ibu bapa terhadap keperluan sekolah seperti Jadual 2.5. Hasil kajian mendapati bahawa peratusan yang tinggi adalah penglibatan ibu bapa dalam membantu pembiayaan persekolahan pelajar dan infrastruktur sekolah. Ibu bapa juga perlu memperuntukkan keperluan pelajar untuk buku teks, bekalan persekolahan contohnya buku-buku latihan, alat tulis dan uniform. Pentadbir sekolah tersebut juga memberikan maklumat samada ibu bapa perlu membuat bayaran untuk buku teks, keperluan sekolah seperti alat tulis, uniform yang merupakan sebahagian daripada keperluan sekolah. Secara keseluruhan dapat dilihat dengan jelas, penglibatan ibu bapa di Malaysia dalam menyediakan keperluan persekolahan adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Peratus penglibatan kewangan ibu bapa yang berkemampuan terhadap pembelian buku teks ialah 50.5% (lajur 1), 1.8% untuk semua keluarga bagi tujuan pembelian buku teks. Lain-lain bekalan sekolah, pentadbir sekolah berpendapat ibu bapa yang berkemampuan mengeluarkan perbelanjaan sebanyak 32.5% manakala peratus bagi semua ibu bapa untuk tujuan ini ialah 53.1%. Peratus perbelanjaan uniform sekolah oleh ibu bapa yang berkemampuan di Malaysia juga tinggi iaitu 45.0% dan untuk semua ibu bapa berada pada tahap 32.3%. Peratus ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara seperti Sri Lanka yang mana penglibatan kewangan ibu bapa dalam mendapatkan bekalan sekolah menunjukkan peratus yang kecil.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 2.5 Penglibatan Kewangan Ibu bapa Dalam Mendapatkan Bekalan Sekolah

	Buku Teks		Lain-lain bekalan sekolah		Uniform	
	1	2	3	4	5	6
	%	%	%	%	%	%
Argentina	34.3	23.8	33.1	28.3	30.3	29.9
Brazil	1.6	7.3	12.4	13.5	19.3	29.5
Chile	2.7	7.6	11.1	26.1	11.2	33.2
India	5.0	9.1	14.2	25.1	10.5	18.9
Malaysia	50.5	1.8	32.5	53.1	45.0	32.3
Paraguay	4.5	7.6	7.6	21.2	5.6	33.4
Peru	1.6	6.7	1.2	10.6	6.3	12.4
Filipina	4.1	5.4	11.1	18.5	10.3	30.2
Sri Lanka	0.7	0.1	8.8	10.2	1.0	0.8
Tunisia	60.4	32.8	49.8	42.1	29.3	58.7
Uruguay	4.8	7.0	31.9	13.7	20.0	30.7

Sumber: UNESCO, (2008).

Nota:

1. Ya, kecuali ibu bapa tidak berkemampuan
2. Ya, untuk semua keluarga
3. Ya, kecuali ibu bapa tidak berkemampuan
4. Ya, untuk semua
5. Ya, kecuali ibu bapa tidak berkemampuan
6. Ya, untuk semua

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 2.6 mengandungi data tentang peratus agihan biaya pendidikan di pelbagai negara daripada kalangan ahli pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan atau *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) dan Malaysia (bukan ahli OECD). Data menunjukkan agihan di antara sumber awam dan sumber persendirian pada tahun 1995, 2000 dan 2005. Secara keseluruhan peratusan daripada sumber awam melebihi daripada sumber persendirian dalam membiayai pendidikan di kesemua negara OECD. Negara-negara seperti, Denmark, Finland, Belgium, Austria dan France didapati mengagihkan peratus sumber awam yang tinggi untuk membiayai pendidikan melebihi peratus negara OECD lain. Tiga negara OECD didapati mengagihkan sejumlah besar beban biaya untuk sekolah rendah dan menengah kepada pihak persendirian. Pihak ini menanggung biaya sekolah rendah dan menengah pada kadar (13% - tahun 1995; 16% - tahun 2000; dan 16% - tahun 2005) di Australia, (24% - tahun 1995; 19% - tahun 2000; dan 18% - tahun 2005) di Germany dan (23% - tahun 1995; 23% - tahun 2000 dan 20% - tahun 2005) di Korea. Negara-negara OECD mencatatkan peratus min keseluruhan 93% pembiayaan sektor pendidikan rendah dan menengah dibiayai oleh kerajaan, hanya 7% dibiayai oleh pihak persendirian. Manakala Malaysia didapati mencatatkan peratus pembiayaan yang tinggi oleh kerajaan iaitu sebanyak 98%, melebihi min pembiayaan oleh kerajaan bagi negara-negara OECD. Pembiayaan pendidikan yang disumbangkan oleh pihak persendirian atau ibu bapa di Malaysia masih pada kadar yang terendah iaitu 2% daripada keseluruhan pembiayaan persekolahan rendah dan menengah (data tahun 1995).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 2.6 Peratus Agihan Beban Biaya Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Sumber Bagi Beberapa Negara Terpilih

1	1995		2000		2005	
	Sumber Pembiayaan (%)					
	Awam	Persendirian	Awam	Persendirian	Awam	Persendirian
Australia	87	13	84	16	84	16
Austria	98	2	96	4	94	6
Belgium	97	3	95	5	95	5
Kanada	96	6	92	8	90	10
Denmark	98	2	98	2	98	2
Finland	98	2	99	1	99	1
France	93	7	93	7	93	7
Germany	76	24	81	19	82	18
Ireland	96	4	96	4	97	3
Netherlands	97	3	95	5	96	4
Korea	77	23	77	23	80	20
Min OECD	93	7	92	8	92	8
Malaysia	98	2	-	-	-	-

Sumber: OECD, (1998); OECD, (2005); OECD, (2008) & KPM, (2007).

Nota :

1. Beberapa negara terpilih daripada kalangan ahli OECD

- Data tidak diperolehi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.8 RUMUSAN

Kajian kos persendirian berkaitan amalan pembiayaan sekolah rendah adalah merupakan satu langkah yang penting bagi menunjukkan keputusan pihak persendirian tentang cara paling baik untuk menggunakan sumber-sumber persendirian yang terhad. Ini berikutan tidak banyak maklumat tentang kajian lepas di Malaysia yang dijalankan bagi menjadi dorongan agar kajian kos persendirian lebih terperinci dilakukan. Kebanyakan kajian mengaitkan kos pendidikan secara umum dengan tahap pencapaian akedemik iaitu, merujuk kepada pencapaian peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan sebagainya. Tinjauan juga mendapati, secara keseluruhannya sumber awam digunakan bagi membiayai hampir keseluruhan biaya langsung sekolah rendah. Pihak persendirian, yang meliputi ibu bapa pelajar membiayai sebahagian kecil sahaja daripada biaya langsung sekolah awam.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian. Bahagian pertama bab ini menerangkan reka bentuk kajian, bahagian kedua pula meliputi populasi kajian. Bahagian seterusnya menghuraikan persampelan kajian, dan diikuti perbincangan berkaitan dengan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian kelima menghuraikan kajian rintis yang dijalankan. Prosedur pengumpulan data dibincangkan dalam bahagian keenam, seterusnya diakhiri dengan bahagian analisis data.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.2 REKA BENTUK KAJIAN : PENGIRAAN KOS

Kerlinger (1986), mengenalpasti dua tujuan asas reka bentuk kajian iaitu untuk mendapatkan jawapan kepada soalan kajian dan untuk mengawal varians, dengan itu reka bentuk kajian merupakan satu tata cara pengolahan data yang dipungut berdasarkan kepada perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian.

Sehubungan itu, pandangan dan kos persendirian sebenar ibu bapa ini berdasarkan kepada satu reka bentuk kajian yang menggunakan kaedah *ingredient*, iaitu pendekatan secara langsung untuk menganggarkan kos. Pendekatannya adalah setiap *intervensi* atau program menggunakan *ingredient* yang mempunyai nilai atau kos. Jika bahan-bahan itu boleh dikenalpasti dan kosnya boleh ditentukan, maka anggaran jumlah kos interversi, kos per unit dan keberkesanan kos boleh ditentukan. Kaedah ini juga boleh menentukan tanggungan kos di sebarkan di kalangan agensi yang menaja, agensi yang memberi dana penderma dan klien. Di mana kos yang dimaksudkan adalah merujuk kepada pengorbanan sesuatu sumber yang berharga samada *tangible* atau *intangible* (Levin, 2001) dan mengikut klasifikasi kos oleh Tsang (Tsang, 1995). Kaedah ini boleh digunakan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut; berapakah kos persendirian ibu bapa terhadap persekolahan anak di sekolah rendah; adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jantina pelajar; adakah terdapat perbezaan kos persendiran berdasarkan tahap pendapatan isi rumah; adakah kos persendirian ibu bapa terhadap anak-anak membebankan; adakah terdapat perbezaan kos persendirian berdasarkan jenis

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

sekolah, status sekolah dan tahun persekolahan; dan adakah terdapat hubungan/kesan kos persendirian berdasarkan jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah.

Bagi mengkaji kos persendirian sebenar yang ditanggung oleh pihak ibu bapa pelajar sekolah rendah, maka satu bancian perlu dilakukan. Data-data berbentuk kuantitatif dikutip melalui borang soal selidik. Statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan hasil dapatan kajian. Seterusnya analisis inferensi digunakan sebagai analisis lanjutan yang dilakukan untuk memperjelaskan selanjutnya dapatan daripada analisis deskriptif. Instrumen yang digunakan dibina khas untuk kajian ini memandangkan soalan kajian adalah berlainan dan belum dikaji sepenuhnya. Kaedah *focus group interview* digunakan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat terperinci dan mencukupi mengenai *ingredient* yang terlibat dalam kos persendirian persekolahan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kos persendirian dikira berdasarkan bahan-bahan atau *ingredient* yang dibelanjakan oleh ibu bapa seperti model/persamaan yang ditunjukkan di bawah;

$$PC = \sum_{i}^{n} (C_1 + C_2 + C_3 + C_4 + C_5 \ldots\ldots + C_n)$$

di mana :

PC = Jumlah kos persendirian.

C_1 = Yuran kurikulum dan kokurikulum

C_2 = Pakaian

C_3 = Buku dan alat tulis

C_4 = Bayaran tambahan

C_5 = Pengangkutan

C_6 = Wang saku

C_7 = Sumbangan

Kos persekolahan boleh diterangkan seperti berikut:

a. kos yuran meliputi yuran Majlis Sukan (MSSM), yuran kokurikulum, sukan tahunan, kegiatan Pendidikan Islam/Moral.

b. kos pakaian yang dibelanjakan untuk tujuan persekolahan seperti pembelian baju sekolah, kasut sekolah, stoking, seluar sukan, baju sukan dan beg sekolah untuk setahun persekolahan. Bayaran untuk pakaian ini adalah tidak termasuk pembelian pakaian bagi aktiviti kokurikulum seperti pakaian seragam untuk kelab, persatuan dan sebagainya.

c. kos buku, bayaran yang dibelanjakan untuk pembelian buku kerja, buku panduan,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

bahan majalah, buku tulis, alat tulis dan bahan photostat yang dibelanjakan untuk setahun persekolahan.

d. bayaran tambahan adalah kos tambahan yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk tujuan persekolahan pelajar adalah bayaran tuisyen dan bayaran pembelajaran komputer.

e. kos pengangkutan merujuk kepada perbelanjaan pengangkutan pelajar pergi dan balik dari rumah ke sekolah untuk tempoh setahun persekolahan iaitu anggaran 200 hari persekolahan. Jenis pengangkutan yang digunakan oleh pelajar antaranya; menggunakan bas/bas sekolah, dihantar oleh ibu bapa (kereta, motosikal), menunggang basikal, jalan kaki dan lain-lain jenis pengangkutan. Ibu bapa juga diminta menganggarkan jarak sehala dari rumah ke sekolah. Jenis pengangkutan yang tidak melibatkan kos seperti jalan kaki dan basikal, sifir RM0.50 untuk 1 km digunakan untuk jumlah perjalanan pergi dan balik ke sekolah.

f. kos wang saku merujuk kepada wang yang diberikan oleh ibu bapa semasa sesi persekolahan rasmi sahaja, tidak termasuk wang saku di luar persekolahan rasmi. Jumlah wang saku yang diambil kira untuk tempoh setahun persekolahan iaitu anggaran 200 hari persekolahan. Kos makanan dan minuman yang dibawa dari rumah untuk ke sesi persekolahan juga turut dimasukkan dalam pengiraan wang saku.

g. kos sumbangan, wang sumbangan merujuk kepada wang yang diberikan oleh ibu bapa kepada pihak sekolah seperti sumbangan untuk hari sukan, hari guru, hari ucapan dan penyampaian hadiah dan sebagainya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.3 POPULASI KAJIAN

Menurut Balmores (1994), pihak-pihak yang berperanan penting dalam ruang lingkup dasar *(policy environment)* awam meliputi empat kumpulan. Pertama kumpulan pentadbir dasar yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mentadbir dasar. Kedua ialah klien dasar yang merupakan semua individu, organisasi dan masyarakat di mana sesuatu dasar itu ditadbirkan. Ketiga ialah pihak berkepentingan dasar yang meliputi individu dan organisasi di luar sistem klien dasar tetapi kepentingan mereka menerima kesan akibat pelaksanaan dasar tersebut. Pihak ini meliputi persatuan, kesatuan, aktivis dan sebagainya. Keempat ialah unit-unit lain dalam kerajaan yang juga terlibat dalam proses pembentukan dasar.

Berasaskan panduan ini, maka populasi kajian dikenal pasti sebagai pihak ibu bapa yang berperanan penting dalam mengadakan kos persendirian bagi tujuan persekolahan pelajar. Memandangkan bilangan populasi ini adalah besar, iaitu ibu bapa bagi pelajar sekolah rendah di seluruh Daerah Hilir Perak, maka saiz sebenar populasi ibu bapa/penjaga di daerah ini tidak dapat ditetapkan. Berdasarkan Jadual 3.1, terdapat 114 buah sekolah di daerah ini, 65 daripadanya adalah Sekolah Kebangsaan (20 sekolah status bandar, 45 berstatus luar bandar); 20 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (5 berstatus bandar dan 15 berstatus luar bandar); dan 29 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (6 buah sekolah berstatus bandar dan 23 buah sekolah berstatus luar bandar).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.4 SAMPEL KAJIAN

Memandangkan bilangan populasi sebenar adalah besar, maka teknik persampelan secara kluster dipilih bagi sampel kajian *(cluster sampling technique)*. Menurut Wiersma, (2000) persampelan kluster adalah satu bentuk persampelan rawak di mana kumpulan dan bukannya individu yang dipilih secara rawak. Dalam teknik ini kluster sampel dipilih secara rawak daripada kluster populasi. Setiap ahli dalam sesuatu kluster atau kumpulan mempunyai ciri-ciri yang sama dan eksklusif kepada kumpulan tersebut. Teknik persampelan ini sesuai apabila populasi kajian adalah sangat besar atau luas bertaburan. Kadangkala hanya teknik ini sahaja yang sesuai digunakan terutamanya apabila pengkaji tidak mempunyai kawalan ke atas subjek yang dikaji.

Pemilihan sampel daripada setiap kluster adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.1. Sampel yang dipilih adalah ibu bapa kepada pelajar yang berada di tahun 1 hingga tahun 6. Pemilihan sampel ibu bapa daripada 6 buah sekolah rendah di Daerah Hilir Perak bagi mewakili setiap pemboleh ubah iaitu jenis sekolah dan status sekolah ini, atas beberapa faktor antaranya; Daerah Hilir Perak mempunyai pembahagian jenis sekolah (SK, SJKC dan SJKT) dan status sekolah (bandar dan luar bandar) yang seimbang, yang mana faktor ini tidak terdapat di daerah lain; sesetengah daerah tidak mempunyai status sekolah bandar yang merupakan pemboleh ubah dalam kajian ini; seterusnya pemilihan daerah tersebut juga sesuai atas sebab geografi dan kawalan. Pemilihan sekolah yang menjadi sampel kajian ini juga dilakukan kepada sekolah berstatus “Gred A” iaitu sekolah yang mempunyai kapasiti lebih daripada 500 orang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pelajar. Selain daripada itu sekolah-sekolah ini adalah homogenous, hasil daripada pengamalan sistem pendidikan kebangsaan yang juga meliputi sistem pengurusan dan amalan yang sama. Kriteria tersebut menepati kehendak kajian dan hasil kajian dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan sekolah rendah di Daerah Hilir Perak.

Jadual 3.1 Agihan Sekolah Rendah di Daerah Hilir Perak Berdasarkan Lokasi Sekolah

	Lokasi				
Jenis Sekolah	Bandar	Luar Bandar	Sampel Bandar	Sampel Luar Bandar	Jumlah Sampel
Sekolah Kebangsaan (SK)	20	45	1	1	2
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	5	15	1	1	2
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	6	23	1	1	2
Jumlah	31	83	3	3	6

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.4.1 Saiz Sampel Kajian

Pengiraan bilangan sampel tidak dapat dibuat menggunakan formula berasaskan populasi memandangkan pihak ibu bapa pelajar di Daerah Hilir Perak yang menjadi populasi adalah besar dan tidak dapat dianggarkan dengan tepat. Maka bilangan sampel kajian ditentukan dengan berpandukan kepada saranan-saranan berikut. Sudman, (1976) menyarankan bagi tinjauan yang melibatkan beberapa sub kumpulan, saiz sampel 200-500 adalah menjadi kebiasaan. Saiz ini juga termasuk dalam julat yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan dalam (Sekaran, 1992; Wiersma, 2000) yang mendasarkan saiz sampel kepada saiz populasi dan pengiraannya diasaskan kepada formula yang dibina oleh *United States Office of Education* seperti di (Lampiran C1). Mengikut formula ini peningkatan saiz sampel berkurangan jika saiz populasi mencecah bilangan yang besar. Jika saiz populasi 75,000, saiz sampel ialah 382 dan jika saiz popuasi mencecah 1 juta, saiz sampel ialah 384 (Sekaran, 1992; Wiersma, 2000).

Akhir sekali berdasarkan formula yang disarankan oleh (Cohen, 1969) dengan mengambil kira kesan saiz (*effect saiz),* paras signifikan (*significance level)* dan kuasa statistik (*statistical power),* saiz sampel di setiap kluster sampel dianggarkan kepada 150. Bilangan ini adalah nilai minimum saiz sampel pada tahap 95% *power of test.* Berdasarkan saranan-saranan ini maka saiz sampel minimum bagi setiap kluster adalah disasarkan sebanyak 360 menjadikan jumlah sasaran sampel minimum bagi ketiga-tiga kluster sebanyak 1080. Bagi mencapai sasaran pemulangan soal selidik seperti yang ditetapkan iaitu 1080 set soal selidik, pengkaji telah mengedarkan sebanyak 240 soal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

selidik bagi setiap sekolah iaitu 40 set soal selidik untuk setiap kelas. Agihan soal selidik ke sekolah seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.2. Sesebuah sekolah yang mempunyai bilangan kelas yang banyak untuk sesuatu tahun persekolahan, soal selidik akan diedarkan pada kelas yang terbaik dari aspek akedemiknya. Pembahagian soal selidik juga sama rata berdasarkan jantina pelajar. Jumlah keseluruhan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar untuk diisi oleh ibu bapa/penjaga ialah sebanyak 1440 set soal selidik.

Jadual 3.2 Agihan Soal selidik

	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4		Tahun 5		Tahun 6		Total
	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	
SK	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	480
SJKC	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	480
SJKT	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	480
Total	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	1440

B – Sekolah dalam bandar
LB – Sekolah luar bandar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan soal selidik bagi tujuan pungutan data. Memandangkan tidak terdapat kajian yang serupa, maka instrumen kajian telah dibina sendiri oleh pengkaji. Pembinaan dan pengujian instrumen diterangkan dalam bahagian berikut.

3.5.1 Soal Selidik Ibu bapa/Penjaga

Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian seperti di (Lampiran C2). Soal selidik Bahagian I dibina berasaskan *ingredient* yang digunakan sebagai anggaran bagi menentukan kos persendirian bagi tujuan persekolahan setiap pelajar. Soal selidik bahagian ini dibina berasaskan adaptasi daripada literatur yang terdapat dalam tulisan-tulisan Tsang (1995), Levin (2001) dan Osman Rani (2007). Bahagian II soal selidik memuatkan maklumat latar belakang responden. Ini adalah bertujuan untuk mengasingkan pola-pola responden mengikut latar belakang yang berbeza-beza.

Jumlah kesemua soalan di Bahagian I ialah 16 soalan (bahagian A, B dan C) dan Bahagian II terdapat 18 soalan mengenai latar belakang responden. Bahagian I terdiri daripada 16 *ingredient* yang dikenalpasti melalui kajian literatur dan *focus group interview* dengan guru-guru besar sekolah bagi mendapatkan maklumat terperinci dan mencukupi tentang item yang hendak dibina. Soal selidik ibu bapa ini bertujuan memperoleh kos persendirian persekolahan seorang anak dan maklumat asas ibu bapa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Soal selidik ibu bapa Bahagian I mengandungi maklumat yang berkaitan seperti berikut:

A. Item yang dibelanjakan mengikut tahun.

a. Yuran persekolahan memfokuskan *variable* yuran, iaitu yuran kurikulum dan kokurikulum seperti, derma Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), yuran ujian dalaman, sukan tahunan, kegiatan pendidikan Islam/Pendidikan Moral.
b. Perbelanjaan aktiviti kurikulum harian persekolahan memfokuskan *variable* seperti pakaian seragam,kasut sekolah,stoking, seluar sukan, baju sukan dan beg sekolah.
c. Perbelanjaan aktiviti kurikulum harian seperti kos buku kerja, buku panduan, bahan majalah, buku tulis, alat tulis dan bahan photostat.
d. Perbelanjaan untuk program lawatan sekolah.
e. Skim perlindungan diri/ Insuran Takaful.
f. Sumbangan ibu bapa memfokuskan *variable* seperti sumbangan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), sumbangan Hari Sukan Sekolah, Hari Guru, Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah dan sebagainya.
g. Lain-lain perbelanjaan untuk setahun persekolahan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

B. Item yang dibelanjakan mengikut bulan.

a. Perbelanjaan ibu bapa sekiranya anak-anak mengikuti kelas tuisyen.
b. Perbelanjaan ibu bapa sekiranya anak-anak mengikuti kelas komputer.
c. Perbelanjaan pengangkutan ulang alik dari rumah ke sekolah serta memfokuskan jenis pengangkutan dan jarak dari rumah ke sekolah.
d. Lain-lain perbelanjaan untuk sebulan persekolahan.

C. Item yang dibelanjakan mengikut hari.

a. Perbelanjaan untuk makanan dan minuman yang dibawa dari rumah.
b. Perbelanjaan untuk wang saku.
c. Lain-lain perbelanjaan untuk sehari persekolahan.

Kesemua item-item yang terdapat di Bahagian B dan C iaitu perbelanjaan mengikut bulan dan hari akan ditukarkan kepada jumlah perbelanjaan setahun iaitu 200 hari persekolahan iaitu jumlah hari persekolahan pada tahun 2009.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Manakala Bahagian II pula mangandungi maklumat seperti berikut:

a. Maklumat pelajar seperti nama sekolah, jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, dan tahun persekolahan pelajar tersebut.
b. Maklumat mengenai latar belakang ibu bapa penjaga seperti, umur, jantina, keturunan,kelayakan akedemik, jenis pekerjaan, jumlah anak, jumlah anak yang masih bersekolah, jumlah pendapatan isi rumah (ibu dan bapa sahaja), lokasi kediaman dan persepsi ibu bapa terhadap perbelanjaan persekolahan.

3.6 KAJIAN RINTIS

Soal selidik kajian rintis telah ditadbirkan dalam dua pusingan. Pusingan pertama pada bulan Februari 2009. *Focus group interview* telah dijalankan pada pusingan pertama ini melibatkan kesemua 114 guru besar sekolah rendah di Daerah Hilir Perak yang telah menghadiri satu mesyuarat bulanan Guru Besar Daerah Hilir Perak, di Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak (65 guru besar dari SK, 20 guru besar dari SJKC dan 29 guru besar dari SJKT), terdapat juga sekolah-sekolah yang diwakili oleh guru penolong kanan. Soal selidik kajian telah diedarkan kepada guru besar terbabit, penerangan ringkas telah diberikan mengenai latar belakang dan tujuan kajian dijalankan. Seterusnya guru-guru besar terbabit diminta untuk meneliti soal selidik tersebut dan memberi cadangan/pandangan bagi penambahbaikan. Cadangan balas diberikan secara lisan, disamping itu terdapat juga cadangan dalam bentuk bertulis. Selepas pusingan pertama, hasil daripada *focus group interview* bersama pentadbir sekolah rendah di Daerah Hilir

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Perak, soal selidik telah diperbaiki dan ditadbirkan semula dalam pusingan kedua pada April 2009. Pusingan kedua melibatkan 30 orang responden ibu bapa yang melibatkan 3 jenis sekolah dan status sekolah yang berbeza. Tujuan kajian rintis dalam soal selidik ini bertujuan untuk melihat sejauhmana item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik dapat difahami oleh responden. Ini adalah kerana responden terdiri daripada ibu bapa pelajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang kurang fasih berbahasa Melayu. Tahap pemahaman responden boleh dilihat pada setiap jawapan yang diberikan sama ada menepati kehendak pengkaji atau sebaliknya. Selain itu kajian rintis ini juga dapat memberikan petunjuk kepada pengkaji sama ada item-item yang dikemukakan kepada responden mencukupi dan lengkap atau sebaliknya untuk mendapatkan jumlah kos persendirian yang telah dibelanjakan.

Hasil daripada kajian rintis pada pusingan pertama iaitu *focus group interview* bersama guru besar dan kajian rintis kedua untuk ibu bapa mendapati; item yang dibelanjakan oleh responden di dalam soal selidik kajian perlu dibahagikan mengikut tahun, bulan dan hari, kerana didapati responden menghadapi kekeliruan terhadap penerangan kepada kos persendirian secara langsung dan kos persendirian tidak langsung (soal selidik yang diedarkan pada peringkat awal). Hasil kajian rintis peringkat kedua mendapati, responden daripada SJKC dan SJKT menghadapi masalah memahami arahan soalan. Pengkaji telah mengambil langkah dengan menyediakan arahan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah yang berkenaan (Lampiran C.3 dan C.4).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.7 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Bagi membolehkan soal selidik ditadbirkan, pengkaji terlebih dahulu memohon kelulusan untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Selepas mendapat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30 Mac 2009, kelulusan yang sama pula dipohon daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak diperolehi pada 6 April 2009 (Lampiran C.5 dan C.6).

Sementara menunggu kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, pengkaji telah menjalankan kajian rintis pusingan pertama. Sebaik sahaja kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Perak diperolehi dan selepas selesai memperbaiki soal selidik yang diuji pada kajian rintis yang pertama, kajian rintis kedua dijalankan. Selesai sahaja soal selidik diperbaiki buat kali kedua, pengkaji telah menjalankan kajian sebenar pada bulan Mei 2009. Tempoh masa dua minggu diberikan kepada responden bagi menjawab soal selidik tersebut dan masa tersebut dianggarkan mencukupi, memandangkan responden-responden kajian adalah merupakan ibu bapa/penjaga yang sibuk dan aktif dalam bidang kerjaya masing-masing dan dengan itu masa diperlukan bagi mendapatkan kerjasama mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Pengkaji menghantar soal selidik kepada guru besar sekolah, supaya soal selidik tersebut dapat diagihkan kepada ibu bapa/penjaga melalui pelajar dari tahun 1 hingga tahun 6. Bagi menentukan kadar pulangan menepati sasaran minima 30 set bagi setiap tahun dan 180 bagi setiap sekolah yang dijadikan sampel, pengkaji telah mengambil langkah: pertama, menggunakan surat pengenalan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, surat kebenaran dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak bersama surat pengenalan kajian; kedua, pengkaji sendiri mengambil peluang berjumpa dengan ibu bapa/penjaga semasa mereka menghantar dan mengambil anak masing-masing dari sekolah untuk mentadbirkan soal selidik dan memohon kerjasama melengkapkan soal selidik tersebut secara jujur dan ikhlas; ketiga, memperbanyakkan bilangan soal selidik sehingga 40 set bagi setiap tahun. Melalui pendekatan ini pulangan soal selidik mencapai bilangan melebihi sasaran seperti di Jadual 3.3.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 3.3 Jadual Pulangan Soal Selidik

Jenis Sekolah	Tahun 1 (%) B	Tahun 1 (%) LB	Tahun 2 (%) B	Tahun 2 (%) LB	Tahun 3 (%) B	Tahun 3 (%) LB	Tahun 4 (%) B	Tahun 4 (%) LB	Tahun 5 (%) B	Tahun 5 (%) LB	Tahun 6 (%) B	Tahun 6 (%) LB	Jumlah (%)
SK	35 (88)	32 (80)	33 (83)	34 (85)	36 (90)	32 (80)	38 (95)	35 (88)	34 (85)	32 (80)	37 (93)	38 (95)	416 (87%)
SJKC	30 (75)	31 (78)	31 (78)	32 (80)	33 (83)	37 (93)	34 (85)	33 (83)	30 (75)	35 (88)	36 (90)	37 (93)	399 (83%)
SJKT	33 (83)	30 (75)	35 (88)	36 (90)	34 (85)	36 (90)	35 (88)	35 (88)	37 (93)	35 (88)	34 (85)	35 (88)	415 (86%)
Jumlah	98 (82)	93 (78)	99 (83)	102 (85)	103 (86)	105 (88)	107 (89)	103 (86)	101 (84)	102 (85)	107 (89)	110 (92)	1230 (85%)

*Bilangan soal selidik yang dihantar kepada setiap sekolah adalah 40 set bagi setiap tahun/kelas.

Jadual 3.4 menunjukkan bilangan soal selidik yang dihantar dan diterima daripada responden. Jumlah sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini adalah 6 buah sekolah. Bagi sekolah kebangsaan 416 soal selidik berjaya dipungut semula menjadikan kadar pulangan 87%. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina mencatatkan peratus pulangan 83% atau 399 soal selidik. Jumlah soal selidik yang sama telah dihantar ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan peratus pulangan adalah 415 soal selidik atau 86%. Jumlah keseluruhan soal selidik yang dipulangkan ialah 1230 soal selidik atau 85%.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.8 ANALISIS DATA

Data yang dipungut melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

3.8.1 Kaedah Kuantitatif

Data yang dipungut melalui pentadbiran soal selidik dianalisis dengan menggunakan pakej *"Statistical Package for Social Science for Windows Version 16.0"* Kaedah analisis perangkaan yang digunakan ialah analisis deskriptif dan analisis inferensi.

3.8.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi menghuraikan latar belakang responden soal selidik tinjauan yang meliputi jantina, keturunan, umur, kelayakan akedemik, bilangan anak tanggungan, pendapatan bulanan isi rumah dan lokasi kediaman. Statistik yang digunakan ialah bilangan, jumlah dan peratus.

Analisis deskriptif juga digunakan untuk menghuraikan dapatan kajian, iaitu anggaran kos persendirian responden secara keseluruhan dalam semua soal selidik. Statistik yang digunakan ialah jumlah dan min.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.8.3 Analisis Inferensi

Dalam kajian ini, analisis inferensi digunakan sebagai analisis lanjutan kepada analisis deskriptif yang menghuraikan pandangan responden secara keseluruhan. Analisis inferensi ststistik digunakan bagi melihat perkaitan yang wujud antara dua jenis pemboleh ubah yang dikaji, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Pemboleh ubah bersandar yang dianalisis dalam kajian ini adalah; yang terkandung di soalan soal selidik anggaran kos persendirian. Bahagian I (A), iaitu kos persendirian yang dibelanjakan mengikut setahun persekolahan seperti yuran persekolahan, pakaian seragam, kasut sekolah, pelbagai jenis buku, alat tulis dan beg sekolah, diikuti perbelanjaan mengikut bulanan serta harian. Pemboleh ubah bebas (yang dimanipulasikan) pula ialah, pertama, ibu bapa pelajar yang terdiri daripada tiga jenis sekolah rendah iaitu, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan kedua, kumpulan responden yang dibezakan mengikut tahun persekolahan anak-anak mereka dari tahun 1 hingga tahun 6. Ketiga responden ibu bapa pelajar ini dibezakan mengikut status sekolah sama ada bandar atau luar bandar, jantina pelajar (tanggungan), dan akhir sekali jumlah pendapatan isi rumah.

Ujian inferensi yang digunakan ialah Ujian F atau ANOVA satu hala. Ujian ini menguji perbezaan skor min antara tiga atau lebih kumpulan secara serentak. Ujian F adalah penting untuk menentukan kesignifikanan perbezaan min dalam teknik ANOVA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Dalam ananlisis ini ujian F atau ANOVA satu hala digunakan untuk melihat perbezaan skor min di antara pemboleh ubah bersandar (seperti yang telah dinyatakan) sama ada signifikan atau tidak pada aras alpha ($P<0.05$) terhadap pemboleh ubah mengikut kumpulan dan latar belakang (seperti yang telah dijelaskan). Jika didapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara kumpulan, ujian LSD dan ujian Tukey dilakukan bagi menentukan pasangan skor min antara kumpulan yang berbeza.

Analisis regresi berganda digunakan dalam meramal dan menerangkan nilai bagi pemboleh ubah bersandar (kos persendirian) berdasarkan nilai bagi satu atau lebih pemboleh ubah tidak besandar. Koefisien penentuan (R^2) digunakan untuk mengetahui sumbangan pemboleh ubah tak bersandar terhadap varians dalam pemboleh ubah bersandar. ANOVA dalam regresi menjelaskan sama ada model yang dibina itu menghasilkan satu peramalan yang baik tentang kesignifikanannya terhadap peramal yang diwujudkan. Kajian ini juga telah menganggarkan persamaan regresi kos persendirian pendidikan sekolah rendah dengan memasukkan pemboleh ubah patung *(dummy)* bagi jantina pelajar, jenis sekolah dan status sekolah. Persamaan regresi adalah seperti berikut, kos persendirian $(y) = a + b_1x_1 + b_2x_2 + b_3x_3 + b_4x_4 + b_5x_5 + b_6x_6 + e$ dan akan dijelaskan secara terperinci dalam bab seterusnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.9 RUMUSAN

Instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini bagi tujuan menganggarkan kos persendirian yang dibelanjakan oleh ibu bapa. Reka bentuk kajian ini juga mampu untuk menjawab persoalan kajian sepertimana yang telah ditetapkan di Bab 1. Manakala analisis deskriptif dan inferensi digunakan bagi menghuraikan dapatan kajian pada bab yang seterusnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dapatan kajian di dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melaporkan profil responden. Bahagian kedua melaporkan dapatan analisis deskriptif ke atas semua 16 soalan yang dikemukakan kepada responden melalui soal selidik Ini kemudian dikuti dengan analisa lanjutan soal selidik di bahagian ketiga. Analisis data di bahagian analisis lanjutan ini menggunakan kaedah analisis ANOVA *(analysis of variance)* satu hala dan dua hala. Bahagian ini juga menganalisis data menggunakan kaedah regresi berganda untuk meramal dan menerangkan nilai bagi pemboleh ubah bersandar berdasarkan nilai bagi pemboleh ubah tidak bersandar yang mempunyai hubungan secara linear.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.2 PROFIL RESPONDEN SOAL SELIDIK

Responden kajian adalah terdiri daripada 1230 orang ibu bapa/penjaga pelajar daripada 6 buah sekolah yang menjadi sampel dalam kajian ini. 3 buah sekolah berstatus dalam 'bandar' dan selebihnya berstatus 'luar bandar'. Jumlah ini merupakan bilangan ibu bapa/penjaga pelajar daripada 3 jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Profil lengkap responden adalah seperti di Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Profil Responden Kajian

Item	Latar Belakang Responden	Bilangan	Peratus
1. Jantina	Lelaki	897	73.0
	Perempuan	333	27.0
2. Keturunan	Melayu/Bumiputera	395	32.0
	Cina	363	30.0
	India	472	38.0
	Lain-lain	-	-
3. Jenis sekolah	Sekolah Kebangsaan	416	33.8
	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	399	32.4
	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	415	33.7
4. Kategori sekolah	Bandar	615	50.0
	Luar Bandar	615	50.0
5. Jantina pelajar	Lelaki	629	51.0
	Perempuan	601	49.0
6. Tahun persekolahan	Tahun 1	189	15.4
	Tahun 2	203	16.5
	Tahun 3	208	16.9
	Tahun 4	210	17.1
	Tahun 5	207	16.8
	Tahun 6	213	17.3

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

7. Umur	Kurang 25 tahun	5	0.4
	26-30 tahun	28	2.3
	31-35 tahun	171	13.9
	36-40 tahun	343	27.9
	41-45 tahun	399	32.4
	46-50 tahun	177	14.4
	Lebih 51 tahun	107	8.7
8. Kelayakan akademik Tertinggi	Sekolah rendah	279	22.7
	Sekolah menengah	641	52.1
	Sijil atau diploma	177	14.4
	Ijazah pertama	101	8.2
	Sarjana dan ke atas	32	2.6
9. Orang yang bertanggung jawab menjaga pelajar	Ibu bapa	1178	95.8
	Penjaga	52	4.2
10. Bilangan anak lain yang bersekolah Rendah	0	71	5.8
	1	421	34.2
	2	478	38.9
	3	190	15.4
	4	68	5.5
	5	2	0.2
11. Pendapatan bulanan isi Rumah	RM1000 ke bawah	459	37.3
	RM1001-RM2000	308	25.0
	RM2001-RM3000	190	15.4
	RM3001-RM4000	97	7.9
	RM4001-RM5000	72	5.9
	RM5001-RM6000	44	3.6
	RM6001 dan ke atas	60	4.9
12. Jenis pekerjaan	Pegawai/Kakitangan kerajaan	277	22.5
	Pegawai/Kakitangan swasta	303	24.6
	Bekerja sendiri	571	46.4
	Pesara	79	6.4
13. Adakah jumlah perbelanjaan persekolahan anak anda satu perkara yang	Amat membebankan	189	15.4
	Membebankan	616	50.1
	Tidak membebankan	425	34.6
	Jumlah	1230	100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mengikut jantina responden ialah meliputi 897 orang (73%) lelaki dan 333 orang (27%) perempuan. Dari segi keturunan responden ialah terdiri daripada kalangan keturunan paling ramai ialah keturunan India 472 orang (38.4%) diikuti responden keturunan Melayu atau Bumiputera iaitu 395 orang (32.1%) dan keturunan Cina 363 orang (29.5%). Mengikut umur terdapat seramai 5 orang (0.4%) yang berumur 25 tahun dan ke bawah, 28 orang (2.3%) berumur 26 hingga 30 tahun, 171 orang (13.9%) berumur 31 hingga 35 tahun, 343 orang (27.9%) berumur 36 hingga 40 tahun. Responden paling ramai berumur 41 hingga 45 tahun iaitu 399 orang (32.4%), 177 orang (14.4%) berumur 46 hingga 50 tahun dan 107 orang (8.7%) responden yang berumur lebih 51 tahun. Berdasarkan kelayakan akademik tertinggi terdapat 279 orang (22.7%) responden yang mempunyai kelayakan pada tahap sekolah rendah. Majoriti responden mendapat pendidikan tahap sekolah menengah iaitu seramai 641 orang (52.1%), 177 orang (14.4%) mempunyai sijil atau diploma, 101 orang (8.2%) berkelayakan ijazah pertama dan 32 orang (2.6%) responden berkelayakan sarjana dan ke atas. Dari segi orang yang bertangung jawab menjaga pelajar majoriti responden terdiri daripada ibu bapa seramai 1178 orang (95.8%) dan selebihnya adalah berstatus penjaga iaitu 52 orang (4.2%).

Dari segi bilangan anak tanggungan yang bersekolah rendah terdapat seramai 71 ibu bapa/penjaga hanya mempunyai seorang anak sahaja yang bersekolah di sekolah rendah. Terdapat seramai 421 orang (34.2%) yang mempunyai hanya dua orang anak bersekolah rendah, 478 orang (38.9%) responden mempunyai 3 orang anak di sekolah rendah, 190 orang(15.4%) mempunyai 4 orang di sekolah rendah, 68 orang (5.5%) 5 orang dan 2 orang (0.2%) responden mempunyai 6 orang anak di sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Berdasarkan pendapatan bulanan isi rumah terdapat seramai 459 orang (37.3%) yang berpendapatan kurang daripada RM1000, 308 orang (25%) berpendapatan RM1001 hingga RM2000, 190 orang(15.4%) berpendapatan RM2001 hingga RM3000, 97 orang (7.9%) berpendapatan RM3001 hingga RM4000, 72 orang (5.9%) berpendapatan RM4001 hingga RM5000, 44 orang (3.6%) berpendapatan RM5001 hingga RM6000 dan 60 orang (4.9%) berpendapatan lebih daripada RM6001. Berdasarkan jenis pekerjaan seramai 277 orang (22.5%) adalah terdiri daripada pegawai/kakitangan kerajaan, 303 orang (24.6%) bekerja di sektor swasta, 571 orang (46.4%) responden bekerja sendiri dan 79 orang (6.4%) merupakan pesara. Secara keseluruhan seramai 189 orang (15.4%) responden menyatakan kos persendirian persekolahan adalah amat membebankan, 616 orang (50.1%) berpendapat membebankan dan 425 orang (34.6%) menyatakan kos persendirian tidak membebankan.

4.3 ANALISIS DESKRIPTIF

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan jawapan keseluruhan responden mengenai perkara-perkara yang dikemukakan di dalam setiap soalan soal selidik. Dapatan analisis dilaporkan dalam bentuk jadual yang mengandungi item dan respon yang meliputi bilangan responden, skor min, dan sisihan piawai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.1 Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan

Bahagian ini melaporkan pandangan responden secara keseluruhan tentang jumlah bayaran setahun persekolahan yang terdiri daripada bayaran yuran, kos pakaian, kos buku dan alat tulis, kos kelas tambahan, kos pengangkutan, kos wang saku dan kos sumbangan kepada pihak sekolah yang merupakan pemboleh ubah bersandar. Tahun persekolahan merupakan faktor atau pemboleh ubah bebas/tidak bersandar.

Kos persendirian bagi setiap item berdasarkan tahun persekolahan dan jumlah keseluruhan kos persendirian adalah seperti Jadual 4.2. Item-item tersebut merupakan bayaran yuran, pakaian, buku dan alat tulis, bayaran tambahan, wang saku dan bayaran sumbangan kepada pihak sekolah untuk setahun sesi persekolahan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.2 Purata Kos Persendirian Berdasarkan Item dan Tahun Persekolahan (RM)

Tahun Persekolahan		YURAN	PAKAIAN	BUKU	TAMB.	ANGKUT	W.SAKU	SUMBGN	TOTAL
Tahun 1	Mean	37.66	203.48	143.39	255.71	458.04	444.33	5.02	1547.64
	N	189	189	189	189	189	189	189	189
	S.D	11.50	81.28	121.38	325.75	299.86	319.72	9.92	649.33
Tahun 2	Mean	37.23	189.94	134.98	388.67	433.79	555.54	7.90	1748.06
	N	203	203	203	203	203	203	203	203
	S.D	11.34	68.86	75.52	439.93	253.57	354.27	12.61	755.83
Tahun 3	Mean	37.19	169.82	138.12	399.68	414.90	572.04	5.88	1737.65
	N	208	208	208	208	208	208	208	208
	S.D	11.30	62.57	96.88	509.46	266.71	366.32	8.90	865.79
Tahun 4	Mean	37.74	203.06	143.20	408.17	489.42	597.71	8.38	1887.69
	N	210	210	210	210	210	210	210	210
	S.D	11.91	80.95	78.58	479.80	363.19	370.46	22.30	822.57
Tahun 5	Mean	38.31	190.62	146.09	460.91	471.25	596.90	9.71	1913.81
	N	207	207	207	207	207	207	207	207
	S.D	12.21	78.32	87.20	476.20	320.91	357.52	14.85	783.92
Tahun 6	Mean	36.80	187.08	183.79	561.80	400.23	679.01	9.53	2058.25
	N	213	213	213	213	213	213	213	213
	S.D	11.57	76.71	115.06	421.35	252.41	414.57	15.83	802.96
Total	Mean	37.48	190.47	148.53	415.57	444.31	576.78	7.78	1820.96
	N	1230	1230	1230	1230	1230	1230	1230	1230
	S.D	11.63	75.72	98.26	455.74	296.63	371.49	14.914	799.66

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Secara keseluruhan kos wang saku merupakan item kos persendirian yang paling tinggi bagi setiap tahun persekolahan seperti yang ditunjukkan di lajur 7. Purata wang saku bagi setahun persekolahan ialah RM576.78. Wang saku pelajar merujuk kepada wang yang diberikan oleh ibu bapa semasa sesi persekolahan rasmi sahaja, tidak termasuk wang saku di luar persekolahan rasmi. Jumlah wang saku yang diambil kira untuk tempoh setahun persekolahan iaitu anggaran 200 hari persekolahan. Kos makanan dan minuman yang dibawa dari rumah untuk ke sesi persekolahan juga turut dimasukkan dalam pengiraan wang saku.

Kos pengangkutan merupakan item kos persendirian kedua tertinggi, iaitu mencatatkan purata keseluruhan ialah RM444.31 bagi setahun persekolahan (lajur 6). Kos pengangkutan merujuk kepada perbelanjaan pengangkutan pelajar pergi dan balik dari rumah ke sekolah untuk tempoh setahun persekolahan iaitu anggaran 200 hari persekolahan. Jenis pengangkutan yang digunakan oleh pelajar antaranya; menggunakan bas/bas sekolah, dihantar oleh ibu bapa (kereta, motosikal), menunggang basikal, jalan kaki dan lain-lain jenis pengangkutan. Ibu bapa juga diminta menganggarkan jarak sehala dari rumah ke sekolah. Jenis pengangkutan yang tidak melibatkan kos seperti jalan kaki dan basikal, pengkaji telah menggunakan sifir RM0.50 untuk 1 km perjalanan pergi dan balik ke sekolah, kerana majoriti pendapatan responden RM1000 dan ke bawah dan menggunakan kadar elaun perjalanan kenderaan oleh kakitangan awam peringkat rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Item kos tambahan (lajur 5) yang dibelanjakan oleh ibu bapa bagi setahun persekolahan secara puratanya ialah RM415.57. Kos tambahan yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk tujuan persekolahan pelajar adalah bayaran tuisyen dan bayaran pembelajaran komputer.

Secara puratanya ibu bapa membelanjakan RM190.47 setahun bagi pembelian pakaian untuk anak - anak mereka (lajur 3). Kos pakaian yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk tujuan persekolahan pelajar adalah bayaran yang dibelanjakan untuk pembelian baju sekolah, kasut sekolah, stoking, seluar sukan, baju sukan dan beg sekolah untuk setahun persekolahan. Bayaran untuk pakaian ini adalah tidak termasuk pembelian pakaian bagi aktiviti kokurikulum seperti pakaian seragam untuk kelab, persatuan dan sebagainya.

Ibu bapa membelanjakan sebanyak RM148.53 untuk kos pembelian buku (lajur 4). Bayaran untuk buku yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk tujuan persekolahan pelajar adalah bayaran yang dibelanjakan untuk pembelian buku kerja, buku panduan, bahan majalah, buku tulis, alat tulis dan bahan photostat yang dibelanjakan untuk setahun persekolahan.

Kos untuk yuran persekolahan seperti Derma Majlis Sukan Sekolah – sekolah Malaysia (MSSM), yuran ko-kurikulum, Sukan Tahunan dan Kegiatan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, mencatatkan purata RM37.48 bagi setahun persekolahan (lajur 2). Manakala kos bagi sumbangan merupakan item kos persendirian paling sedikit yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

dibelanjakan oleh ibu bapa bagi setahun persekolahan iaitu RM7.78. Wang Sumbangan merujuk kepada wang yang diberikan oleh ibu bapa kepada pihak sekolah seperti sumbangan untuk hari sukan, hari guru, hari ucapan dan penyampaian hadiah dan sebagainya yang telah dinyatakan dalam soal selidik yang telah diedarkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan anggaran keseluruhan kos persendirian berdasarkan tahun persekolahan (lajur 9). Purata kos persendirian bagi tahun 1 ialah RM1547.64 (189 responden). Jumlah kos persendirian meningkat kepada RM1748.06 bagi pelajar tahun 2 (203 responden). Pelajar tahun 3 sebanyak RM1737.65 (208 responden), kos persendirian untuk tahun 4 ialah RM1887.69 (210 responden) seterusnya meningkat kepada RM1913.81 (207 responden) untuk tahun 5 dan akhir sekali pelajar tahun 6 kos persendirian ialah sebanyak RM2058.25 (213 responden). Purata keseluruhan kos persendirian pendidikan sekolah rendah ialah RM1820.96 (1230 responden).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.2 Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar

Kos persendirian pendidikan berdasarkan jantina pelajar adalah seperti Jadual 4.3. Skor min bagi jumlah kos persendirian untuk pelajar lelaki ialah RM1876.99 (629 responden) manakala skor min bagi pelajar perempuan ialah RM1762.32 (601 responden).

Jadual 4.3 Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar (min)

Jantina Pelajar	Mean	N	Std. Deviation
Lelaki	1876.99	629	838.31
Perempuan	1762.32	601	753.33
Total	1820.96	1230	799.66

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.3 Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah

Kos persendirian pendidikan bagi pelajar sekolah rendah berdasarkan pendapatan isi rumah adalah seperti Jadual 4.4 dan Rajah 4.1. Pendapatan isi rumah adalah merujuk kepada pendapatan ibu dan bapa atau penjaga sesebuah keluarga tersebut.

Jadual 4.4 menunjukkan skor min jumlah kos persendirian berdasarkan pendapatan isi rumah. Skor min kos persendirian pada julat pendapatan RM1000 dan ke bawah ialah RM1545.83 seterusnya meningkat RM2130.19 pada julat pendapatan RM2001- RM3000. Walau bagaimanapun jumlah kos persendirian menurun pada julat pendapatan RM3000 hingga RM6000, seterusnya kos persendirian meningkat semula dalam julat pendapatan yang melebihi RM6001.

Jadual 4.4 Peratus Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi rumah


Tahap Pendapatan	N	Mean	% kos persendirian daripada pendapatan
RM1000 ke bawah	459	1545.83	12.88%
RM1001-RM2000	308	1947.39	8.11%
RM2001-RM3000	190	2130.19	5.92%
RM3001-RM4000	97	1896.19	3.95%
RM4001-RM5000	72	1878.68	1.88%
RM5001-RM6000	44	1798.96	1.50%
RM6001 ke atas	60	2122.62	1.52%
Total	1230	1820.96	5.11%

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Rajah 4.1 di bawah, menunjukkan carta bar min kos persendirian berdasarkan pendapatan bulanan isi rumah. Didapati kumpulan ibu bapa yang mempunyai tahap pendapatan kurang daripada RM1000, mengeluarkan perbelanjaan paling kurang untuk tujuan persekolahan anak-anak mereka. Manakala kumpulan ibu bapa yang berpendapatan RM2001 hingga RM3000 dan kumpulan ibu bapa berpendapatan RM6001 dan ke atas mengeluarkan perbelanjaan paling tinggi bagi tujuan persekolahan.

Rajah 4.1 Carta Min Kos Persendirian dengan Pendapatan Isi rumah



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Untuk mendapatkan peratus kos persendirian daripada pendapatan isi rumah bagi tempoh setahun persekolahan, pengkaji telah membahagikan min kos persendirian setahun (mengikut julat pendapatan) dengan jumlah pendapatan isi rumah setahun. Pengkaji juga mengambil jumlah maksimum pendapatan berdasarkan julat pendapatan isi rumah. Merujuk kepada Jadual 4.5, jumlah pendapatan isi rumah menunjukkan perhubungan yang negatif dengan kos persendirian. Hasil kajian menunjukkan peratus kos persendirian didapati menurun, berdasarkan jumlah pendapatan yang semakin meningkat. Pada tahap pendapatan RM1000 (julat pendapatan RM1000 dan ke bawah), min kos persendirian yang dibelanjakan ialah RM1545.83 ini merupakan 12.88% daripada pendapatan isi rumah setahun untuk kos persendirian yang dikeluarkan oleh ibu bapa bagi tempoh setahun persekolahan. Peratus kos persendirian daripada pendapatan isi rumah didapati menurun sehingga 1.52% pada tahap pendapatan RM7000 (julat pendapatan RM6001 dan ke atas), sungguhpun min kos persendirian meningkat kepada RM2122.62.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan secara puratanya, ibu bapa hanya membelanjakan 5.11% (RM1820.96) daripada jumlah pendapatan isi rumah untuk membiayai kos persekolahan untuk tempoh setahun persekolahan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.5 menunjukkan peratus kos persendirian berdasarkan pendapatan isi rumah dan status sekolah. Secara umumnya min jumlah dan peratus kos persendirian di bandar adalah lebih tinggi RM1938.93 (5.4%) daripada kos persendirian yang dikeluarkan oleh sekolah di luar bandar RM1702.99 (4.8%) untuk setahun persekolahan bagi setiap orang anak.

Jadual 4.5 Peratus Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi rumah dan Status Sekolah

	Bandar		Luar Bandar	
Tahap Pendapatan	Mean	%	Mean	%
RM1000 ke bawah	1766.55	14.7	1370.82	11.4
RM1001-RM2000	2051.23	8.5	1842.20	7.7
RM2001-RM3000	1991.43	5.5	2235.55	6.2
RM3001-RM4000	2019.69	4.2	1759.27	3.7
RM4001-RM5000	1956.14	2.0	1733.04	1.7
RM5001-RM6000	1851.27	1.5	1746.65	1.5
RM6000 ke atas	2125.86	1.5	2086.94	1.5
Total	1938.93	5.4	1702.99	4.8

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.6 menunjukkan tahap pendapatan isi rumah dan tahap bebanan ibu bapa terhadap kos persendirian. Secara puratanya responden kajian merupakan ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1000 iaitu 459 responden. Majoriti responden yang berpendapatan tersebut menyatakan bahawa kos persendirian yang ditanggung berada pada tahap amat membebankan (126 responden) dan membebankan (256 responden), hanya 77 responden manyatakan kos persendirian tidak membebankan. Terdapat juga ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada RM6000 menyatakan kos persendirian mereka berada pada tahap amat membebankan (2 responden) dan tahap membebankan (10 responden).

Jadual 4.6 Tahap Pendapatan dan Bebanan Ibu bapa

	pendapatan bulanan isi rumah							
Tahap bebanan	RM1000 ke bawah	RM1001 - RM2000	RM2001 - RM3000	RM3001 - RM4000	RM4001 - RM5000	RM5001- RM6000	RM6001 ke atas	Total
amat membebankan	126	29	23	6	0	3	2	189
membebankan	256	205	81	32	24	8	10	616
tidak membebankan	77	74	86	59	48	33	48	425
Total	459	308	190	97	72	44	60	1230

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.4 Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan

Dalam analisis deskriptif bagi soalan tentang tahap bebanan kos persendirian pelajar sekolah rendah, didapati responden secara keseluruhannya berpendirian bahawa mereka berada pada tahap "membebankan". Jadual 4.7(a) menunjukkan sebanyak 616 responden menyatakan tahap membebankan berbanding 189 responden berada pada tahap "amat membebankan" dan 425 responden berada pada tahap "tidak membebankan".

Jadual 4.7(a) Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan Pelajar Sekolah Rendah

Tahap bebanan	N	Mean	Std. Deviation
amat membebankan	189	1794.12	886.42
membebankan	616	1932.46	811.69
tidak membebankan	425	1671.27	713.18
Total	1230	1820.95	799.66

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.7(b) menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap tahap bebanan kos persendirian berdasarkan 3 jenis sekolah. Kajian menunjukkan majoriti ibu bapa berada pada tahap membebankan. SJKC dan SJKT menunjukkan majoriti responden berada pada tahap membebankan, hanya responden dari SK menunjukkan majoriti tidak membebankan iaitu 278 responden.

Jadual 4.7(b) Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah

Jenis sekolah	amat membebankan	membebankan	tidak membebankan	Total
SK	13	125	278	416
SJKC	65	257	77	399
SJKT	111	234	70	415
Total	189	616	425	1230

Jadual 4.7(c) menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap tahap bebanan kos persendirian berdasarkan status sekolah. Keputusan kajian menunjukkan majoriti ibu bapa berada pada tahap membebankan. Status sekolah bandar seramai 285 responden dan status luar bandar seramai 331 responden.

Jadual 4.7(c) Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah

Status sekolah	amat membebankan	membebankan	tidak membebankan	Total
Bandar	67	285	263	615
Luar bandar	122	331	162	615
Total	189	616	425	1230

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.5 Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah

Kos persendirian pendidikan berdasarkan status sekolah adalah seperti Jadual 4.8. Skor min bagi jumlah kos persendirian untuk sekolah yang berstatus 'bandar' adalah RM1938.93 melebihi sekolah yang berstatus 'luar bandar' iaitu RM1702.99.

Jadual 4.8 Jumlah Kos Persendirian Berdasarkan Status Sekolah (Min)

Status sekolah	N	Mean	Std. Deviation
Bandar	615	1938.92	731.76
Luar Bandar	615	1702.98	846.52
Total	1230	1820.96	799.66

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.6 Kos Persendirian Ibu bapa Berdasarkan Jenis Sekolah

Bahagian ini melaporkan pandangan responden secara keseluruhan tentang jumlah bayaran setahun persekolahan, bayaran yuran, kos pakaian, kos buku dan kos alat tulis, kos kelas tambahan, kos pengangkutan, kos wang saku dan kos sumbangan kepada pihak sekolah yang merupakan pemboleh ubah bersandar *(dependent variable)* dan berdasarkan jenis sekolah (SK,SJKC,SJKT) yang merupakan faktor atau pemboleh ubah bebas/tidak bersandar *(independent variable)*.

Kos persendirian bagi setiap item berdasarkan jenis sekolah dan jumlah keseluruhan kos persendirian adalah seperti Jadual 4.9. Item-item tersebut merupakan bayaran yuran, pakaian, buku dan alat tulis, bayaran tambahan, wang saku dan bayaran sumbangan kepada pihak sekolah.

Jadual 4.9 Kos Persendirian Berdasarkan Jenis Sekolah (Min)

Jenis sekolah		YURAN	PAKAIAN	BUKU	TAMB.	ANGKUT	W.SAKU	SUMBGN	TOTAL
SK	Mean	39.02	223.58	146.76	220.12	405.04	439.08	4.62	1478.24
	N	416	416	416	416	416	416	416	416
	Std. Dev.	11.26	77.98	81.77	301.09	336.65	211.47	11.32	588.41
SJKC	Mean	27.50	178.90	186.91	758.71	457.04	874.66	8.82	2492.56
	N	399	399	399	399	399	399	399	399
	Std. Dev.	.00	61.04	109.33	517.11	303.49	423.47	15.22	771.41
SJKT	Mean	45.53	168.41	113.40	281.58	471.44	428.43	9.96	1518.77
	N	415	415	415	415	415	415	415	415
	Std. Dev.	10.54	75.00	88.36	314.26	237.91	256.57	17.12	578.68
Total	Mean	37.48	190.47	148.53	415.57	444.31	576.78	7.78	1820.95
	N	1230	1230	1230	1230	1230	1230	1230	1230
	Std. Dev.	11.63	75.72	98.26	455.74	296.63	371.49	14.91	799.66

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Bagi ketiga-tiga jenis sekolah (SK, SJKC dan SJKT) kos wang saku merupakan item kos persendirian yang paling tinggi bagi semua jenis sekolah seperti yang ditunjukkan di lajur 8. Purata wang saku bagi setahun persekolahan ialah RM576.78. SJKC mencatatkan kos untuk wang saku ialah RM874.66 berbanding SK ialah RM439.08 dan kos wang saku bagi SJKT ialah RM428.43.

Kos pengangkutan merupakan item kos persendirian kedua tertinggi, iaitu mencatatkan purata keseluruhan bagi ketiga-tiga jenis sekolah ialah RM444.31 bagi setahun persekolahan (lajur 7). SJKT paling tinggi iaitu RM471.44, SJKC purata RM457.04 dan SK, RM405.04.

Item kos tambahan (lajur 6) yang dibelanjakan oleh ibu bapa bagi setahun persekolahan secara puratanya ialah RM415.57. Bayaran tambahan yang dibelanjakan oleh ibu bapa untuk tujuan persekolahan pelajar adalah bayaran tuisyen dan bayaran pembelajaran komputer untuk setahun persekolahan. Skor min menunjukkan SK membelanjakan RM220.12. SJKC mencatatkan min bayaran tambahan tertinggi iaitu RM758.71 dan ibu bapa daripada SJKT membelanjakan wang untuk bayaran tambahan RM281.58 setahun.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Secara puratanya ibu bapa membelanjakan RM190.47 setahun bagi pembelian pakaian untuk anak-anak mereka (lajur 4). Skor min menunjukkan SK membelanjakan wang mereka untuk pakaian paling tinggi iaitu RM223.59. Jumlah ini mengatasi ibu bapa daripada SJKC yang membelanjakan RM178.91 dan ibu bapa daripada SJKT membelanjakan RM168.41.

Ibu bapa daripada 3 jenis sekolah tersebut, secara puratanya hanya membelanjakan RM148.53 untuk kos pembelian buku (lajur 5), seperti buku kerja, buku panduan, bahan majalah, buku tulis, alat tulis dan bahan photostat yang dibelanjakan untuk setahun persekolahan. Skor min menunjukkan SK membelanjakan RM146.76 bagi tempoh satu tahun persekolahan. SJKC mencatatkan min paling tinggi iaitu RM186.91 dan ibu bapa daripada SJKT membelanjakan wang untuk pembelian buku paling kurang iaitu RM113.41 setahun.

Kos untuk yuran persekolahan mencatatkan purata RM37.48 bagi setahun persekolahan (lajur 3). Manakala kos bagi sumbangan merupakan item kos persendirian paling sedikit yang dibelanjakan oleh ibu bapa bagi setahun persekolahan iaitu RM7.78.

Dapatan kajian juga menunjukkan kos persendirian secara keseluruhan berdasarkan jenis sekolah (lajur 10). Purata kos persendirian SJKC adalah paling tinggi iaitu RM2492.56 (416 responden) diikuti SJKT sebanyak RM1518.77 (399 responden) dan SK sebanyak RM1478.24 (416 responden). Purata keseluruhan kos persendirian pendidikan sekolah rendah ialah RM1820.96 (1230 responden).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.3.7 Kos Persendirian Berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah

Memandangkan kesan interaksi adalah tidak signifikan, maka graf plotkan min tidak perlu dilakarkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.4.13 Hubungan antara Kos Persendirian Berdasarkan Jenis, Status Sekolah, Jantina, Tahun Persekolahan dan Tahap Pendapatan

Analisis regresi digunakan untuk meramal dan menerangkan nilai antara kos persendirian yang merupakan pemboleh ubah bersandar berdasarkan lima jenis pemboleh ubah bebas yang telah ditetapkan.

Jadual 4.29(a) menunjukkan nilai kebarangkalian yang diperolehi kurang dari nilai alpha yang ditentukan iaitu 0.05, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa jenis sekolah, status sekolah, jantina, tahun persekolahan dan tahap pendapatan merupakan peramal yang signifikan dalam membuat anggaran mengenai kos persendirian bagi pelajar sekolah rendah. Daripada jadual tersebut juga mencatatkan nilai R dan R^2. R ialah koefisien korelasi antara nilai pemboleh ubah bersandar (yang dicerap) dengan nilai yang diramalkan berdasarkan model regresi ini. Manakala R^2 pula ialah satu pengukuran umum tentang kegunaan bagi sesuatu model regresi. Ia menerangkan atau menjelaskan sumbangan pemboleh ubah bebas terhadap varians dalam pemboleh ubah bersandar (kos persendirian). Dalam model regresi ini, lima pemboleh ubah bebas iaitu jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar, tahun persekolahan dan tahap pendapatan dapat menerangkan sebanyak 42.2% daripada varian yang wujud dalam kos persendirian (pemboleh ubah bersandar) seperti Jadual 4.29(a). Lebihannya sebanyak 57.8% boleh dijelaskan dengan faktor-faktor lain yang tidak diambil kira dalam model atau kajian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.29(a) Ringkasan Model Regresi *(Model Summary)*

					Change Statistics			
Model	R	R Square	Adjusted R Square	R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.650(a)	.422	.419	.422	148.760	6	1223	.000

a Predictors: (Constant), JANTINA, JENSEK, JENSEK2, STASEK, THPERS, PENDPTRATIO
b Dependent Variable: TOTAL

Jadual 4.29(b) menunjukkan ANOVA dalam regresi menjelaskan sama ada model yang dibina ini menghasilkan satu peramalan yang baik tentang kesignifikanannya terhadap peramal yang diwujudkan. Jadual di bawah menunjukkan nilai F nya ialah 148.76, dan nilai *P* ialah 0.000 iaitu kurang daripada 0.05, maka dengan ini jelaslah bahawa wujud pertalian antara kos persendirian dan lima jenis pemboleh ubah bebas seperti yang telah dinyatakan.

Jadual 4.29(b) ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	331569077.13	6	55261512.85	148.76	.000(a)
	Residual	454322700.60	1223	371482.17		
	Total	785891777.74	1229			

a Predictors: (Constant), JANTINA, JENSEK, JENSEK2, STASEK, THPERS, PENDPTRATIO
b Dependent Variable: TOTAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.29(c) Koefisien

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	937.30	55.012		17.038	.000
	JANTINA	100.98	34.794	.063	2.902	.004
	JENSEK	-174.09	47.388	-.103	-3.674	.000
	JENSEK2	886.72	45.064	.519	19.677	.000
	STASEK	216.16	35.384	.135	6.109	.000
	PENDPTRATIO	.07	.012	.148	5.982	.000
	THPERS	90.35	10.253	.192	8.812	.000

a Dependent Variable: TOTAL

Dalam ujian regresi juga mempunyai ujian-t, di samping ujian-F, seperti Jadual 4.29(c). Ujian-t membantu untuk menentukan pintasan *(constant)* dan kecerunan. Dalam hal ini, nilai pintasan *(constant)* ialah 937.30 dan nilai *P* ialah 0.000. Ini bermakna, sekiranya lima pemboleh ubah bebas yang ditetapkan tidak ada skor, ibu bapa tetap mempunyai satu aras kos persendirian iaitu pada RM937.30.

Nilai ujian-t bagi kecerunan pemboleh ubah (JANTINA) jantina pelajar ialah 2.902 dan nilai *p* nya ialah 0.004, lebih kecil daripada 0.05. Bagi pemboleh ubah (JENSEK) jenis sekolah SK dan SJKT, nilai ujian-t ialah 3.674 dan nilai *p* ialah 0.000, manakala (JENSEK2) jenis sekolah SJKC dan SJKT menunjukkan nilai t ialah 19.677 dan nilai *p* juga 0.000. Begitu juga bagi pemboleh ubah (STASEK) status sekolah, (PENDPTRATIO) tahap pendapatan isi rumah dan (THPERS) untuk tahun persekolahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pelajar kesemuanya menunjukkan nilai yang signifikan iaitu 0.000. Ini bermakna terdapat pertalian signifikan secara statistik antara kos persendirian dengan, jenis sekolah, jantina, status sekolah, tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah.

Persamaan regresi yang boleh digunakan untuk membuat anggaran mengenai kos persendirian (y) berdasarkan jenis sekolah, status sekolah, jantina, tahun persekolahan dan tahap pendapatan adalah seperti berikut:

$$y = a + b_1x_1 + b_2x_2 + b_3x_3 + b_4x_4 + b_5x_5 + b_6x_6 + e$$

$$y = 937.3 + 100.98\ \text{JANTINA} - 174.1\ \text{JENSEK} + 886.72\ \text{JENSEK2} + 216.16\ \text{STASEK} + 0.07\ \text{PENDPTRATIO} + 90.35\ \text{THPERS}$$

y = anggaran kos persendirian

a = pintasan/pemalar

b_1 = koefisien regresi bagi jantina pelajar (JANTINA) (1 - Lelaki; 0 – Perempuan)

b_2 = koefisien regresi bagi jenis sekolah 1 (JENSEK) (1-SK; 0- SJKC; 0- SJKT)

b_3 = koefisien regresi bagi jenis jekolah 2 (JENSEK2) (0-SK; 1-SJKC; 0- SJKT)

b_4 = koefisien regresi bagi status sekolah 1 (STASEK) (1-Bandar; 0- Luar bandar)

b_5 = koefisien regresi bagi tahap pendapatan (PENDPTRATIO.)

b_6 = koefisien regresi bagi tahun persekolahan (THPERS.)

e = ralat persampelan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Pemboleh ubah *dummy* digunakan dalam persamaan di bawah untuk memasukkan kategori pemboleh ubah kategorikal seperti, jantina, jenis sekolah dan status sekolah.

Anggaran daripada analisis regresi yang dibina dalam kajian ini menunjukkan 937.30 sebagai pintasan *(intercept)* pada paksi – *y*. Bagi pemboleh ubah kategorikal iaitu JANTINA, menerangkan bahawa kos persendirian sekolah rendah bagi pelajar lelaki lebih tinggi daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak RM100.98. Untuk varibel JENSEK menunjukkan kos persendirian yang dibelanjakan oleh ibu bapa dari SK adalah lebih rendah dibandingkan dengan kos persendirian yang dibelanjakan oleh ibu bapa yang mana anak-anaknya berada di SJKT. Bagi varibel JENSEK2 pula menerangkan bahawa ibu bapa dari SJKC membelanjakan kos persendirian lebih tinggi dibandingkan dengan kos persendirian oleh ibu bapa yang anak-anak mereka bersekolah di SJKT, iaitu sebanyak RM886.72. Manakala bagi pemboleh ubah status sekolah (STASEK) menunjukkan sekolah berstatus bandar membelanjakan lebih RM216.16 berbanding ibu bapa yang mana anak-anak mereka bersekolah di sekolah yang berstatus luar bandar.

Dua pemboleh ubah yang berbentuk ordinal seperti yang terdapat dalam persamaan regresi ini menunjukkan nilai koefisien 0.07 untuk pemboleh ubah PENDPTRATIO (tahap pendapatan isi rumah) dan 90.35 untuk THPERS (tahun persekolahan pelajar).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kedua-dua pemboleh ubah ini menunjukkan tanda positif menerangkan semakin tinggi tingkat pendapatan dan tahun persekolahan maka semakin tinggi kos persendirian yang dibelanjakan. Namun nilai koefisien menunjukkan tahun persekolahan merupakan peramal yang lebih baik daripada tahap pendapatan isi rumah.

Model ini membenarkan penyelidik untuk menentukan nilai bagi pemboleh ubah bebas iaitu kos persendirian. Persamaan ini membolehkan nilai anggaran kos persendirian ditentukan apabila nilai pemboleh ubah bebas telah ditetapkan.Kesimpulan ini dibuat pada tahap kesignifikanan $\alpha = 0.05$ (5%) atau tahap keyakinan (95%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.5 RUMUSAN

Walaupun persekolahan percuma diberi dan dibiayai oleh kerajaan, kos persendirian persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa juga tinggi. Beban kos persendirian perlu diambil kira dalam merangka agenda pembiayaan sekolah. Walaupun analisis daripada soal selidik mendapati majoriti ibu bapa terbeban dengan kos persendirian pada tahap sekolah rendah, namun ibu bapa masih menganggap pendidikan merupakan satu pelaburan besar kepada sesebuah keluarga, masyarakat seterusnya kepada negara.

Hasil kajian mendapati anggaran kos persendirian pendidikan sekolah rendah secara keseluruhannya berjumlah RM1820.96 setahun. Ini bermakna sepanjang berada di pesekolahan peringkat sekolah rendah ibu bapa membelanjakan sekurang-kurangnya RM10,925.76 bagi setiap pelajar. Kos persendirian ini hanyalah mengambil kira *ingredient* yang telah dinyatakan di dalam bab terdahulu.

Analisis deskriptif yang dijalankan juga menunjukkan terdapat perbezaan dalam kos persendirian pendidikan sekolah rendah. Perbezaan ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang berasaskan kepada, jenis sekolah, status sekolah, jantina pelajar,tahun persekolahan dan tahap pendapatan isi rumah. Akhir sekali rumusan mengenai persepsi ibu bapa terhadap tahap bebanan kos persendirian yang ditanggung juga berbeza.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini mengandungi lima bahagian. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang meliputi objektif, kerangka kajian, reka bentuk dan soalan kajian, instrumen kajian, populasi dan persampelan kajian, kajian rintis dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian. Bahagian kedua ialah perbincangan yang menghuraikan perkaitan di antara dapatan kajian dengan literatur serta kepentingan dapatan kajian dalam konteks Malaysia. Berdasarkan perbincangan ini, bahagian ketiga adalah kesimpulan daripada kajian. Ia dibincangkan mengikut susunan objektif kajian. Berasaskan kesimpulan kajian, bahagian keempat mengemukakan cadangan yang meliputi peranan kerajaan dalam membiayai sekolah rendah serta alternatif pembiayaan bagi sekolah rendah. Bahagian kelima sebagai penutup menjelaskan sumbangan kajian ini secara umum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian anggaran kos persendirian pelajar sekolah rendah. Ia juga merupakan satu inisiatif untuk mengetengahkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam aspek pembiayaan persekolahan. Kajian direncana sedemikian untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat berkaitan perbelanjaan persendirian untuk perhatian dan informasi kepada pihak-pihak yang berminat dan juga pihak Kementerian Pelajaran. Data kajian adalah merupakan data yang dikutip secara langsung daripada ibu bapa/penjaga pelajar sekolah rendah. Mereka ini adalah rakan dalam pemuafakatan pendidikan dan merupakan klien yang terpenting bagi Kementerian Pelajaran.

Kerangka kajian menjelaskan persekolahan adalah melibatkan kos. Kos ini ditanggung oleh dua pihak iaitu kos awam/sosial yang ditanggung oleh kerajaan dan kos persendirian/isi rumah yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga. Kajian ini hanya menumpukan kepada kos langsung yang dibelanjakan oleh ibu bapa pelajar. Selain pihak kerajaan yang mengeluarkan perbelanjaan bagi tujuan pendidikan, peranan ibu bapa/penjaga amat penting dalam perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka. Perbelanjaan pendidikan oleh ibu bapa adalah secara tidak langsung iaitu melalui cukai dan perbelanjaan secara langsung melalui perbelanjaan peribadi untuk menampung aktiviti persekolahan harian. Ibu bapa terpaksa menampung beberapa jumlah kos supaya dapat memberi pendidikan kepada anak-anak, iaitu, kos yuran, uniform, buku, wang saku, sumbangan, lawatan dan lain-lain bayaran yang menjadi keperluan untuk persekolahan. Sebahagian kos adalah standard kerana ditentukan oleh sekolah dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

bantuan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), kerajaan, tetapi terdapat juga perbelanjaan yang berubah-ubah dikalangan pelajar seperti bahan bacaan tambahan dan tuisyen.

Bagi mencapai tujuan menganggarkan kos persendirian ini, kajian di reka bentuk dengan menggunakan kaedah *ingredient* Levin (1995), dan klasifikasi kos oleh Tsang, Tsang (1995). Instrumen kajian ialah soal selidik sebagai instrumen utama. Soal selidik yang dibina oleh pengkaji dibahagikan kepada dua bahagian dan mengandungi 34 soalan. Bahagian I soal selidik mengandungi 16 soalan: 9 soalan mengenai kos persendirian yang dibelanjakan dalam setahun; 4 soalan juga mengenai kos persendirian mengikut kiraan bulan; dan 3 soalan mengenai kos persendirian mengikut kiraan hari. Bahagian II mengandungi 18 soalan mengenai butiran peribadi responden dan anak mereka yang bersekolah di sekolah rendah.

Kerja lapangan untuk mengumpulkan data dijalankan selama 2 bulan mulai Mac 2009 hingga Mei 2009. Bagi menentukan kadar penyertaan responden mencukupi dengan bilangan yang disasarkan, bilangan soal selidik yang dihantar ke sekolah-sekolah telah diperbanyakkan. Sejumlah 1230 soal selidik yang lengkap diisi telah dikembalikan. Ini meliputi sejumlah 416 responden daripada SK, 319 responden daripada SJKC dan 415 responden daripada SJKT. Kadar pulangan keseluruhan adalah 85% jika dibanding dengan jumlah 1440 soal selidik yang telah diedar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Data kuantitatif (soal selidik) diproses dengan komputer menggunakan program *SPSS versi 16.0*. Dua jenis statistik digunakan dalam analisis data. Statistik deskriptif bagi menghuraikan secara menyeluruh tentang latar belakang responden dan menghurai serta menjawab persoalan-persoalan kajian yang melibatkan 16 soalan daripada soal selidik. Statistik yang digunakan ialah jumlah, min, sisihan piawai dan interpretasi min. Statistik inferensi digunakan sebagai analisis lanjutan kepada analisis deskriptif. Statistik inferensi digunakan bagi melihat perkaitan yang wujud diantara dua pemboleh ubah yang dikaji, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah yang dianalisis dalam kajian ini adalah yang terkandung di soalan soal selidik 1 hingga soalan 16, berkaitan dengan kos persendirian pendidikan yang dikeluarkan oleh ibu bapa. Pemboleh ubah bebas pula ialah pertama, jenis sekolah (SK, SJKC dan SJKT), status sekolah (bandar dan luar bandar), tahun persekolahan, jantina pelajar. Kedua, faktor latar belakang responden seperti kelayakan akademik, tahap pendapatan dan persepsi tahap bebanan kos persendirian. Semua kategori pemboleh ubah bebas berdasarkan latar belakang ini dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu, ibu bapa/penjaga dari 3 jenis sekolah yang berlainan. Ujian inferensi yang digunakan ialah ANOVA satu hala dan dua hala untuk melihat perbezaan skor min di antara pemboleh ubah bersandar sama ada signifikan atau tidak pada aras alpha ($p < 0.05$), terhadap pemboleh ubah bebas mengikut kumpulan atau mengikut latar belakang. Jika didapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara kumpulan, ujian *Post-Hoc* ANOVA iaitu ujian LSD (*Least Significant Different*) dan ujian Tukey dilakukan bagi menentukan pasangan skor min antara kumpulan yang berbeza.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.3 PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini disusun mengikut urutan objektif dan soalan kajian. Ia dimulakan dengan perbincangan tentang anggaran kos persendirian pendidikan sekolah rendah. Ini diikuti dengan perbincangan perbezaan kos berasaskan jenis sekolah, status sekolah, tahap pendapatan, jantina pelajar dan tahap bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa. Dalam setiap perbincangan, susunan kandungannya dimulakan dengan ringkasan dapatan kajian yang berkenaan dan isu-isu tentang dapatan kajian dengan dasar atau implikasi yang mungkin dapat dilihat dalam situasi atau keadaan di Malaysia pada hari ini.

5.3.1 Anggaran Kos Berdasarkan Tahun Persekolahan

Secara keseluruhan semakin tinggi tahun persekolahan, semakin tinggi kos persendirian yang perlu dibelanjakan oleh ibu bapa. Purata kos persendirian untuk pelajar tahun 1 ialah RM1547.64 meningkat sehingga RM2058.25 untuk pelajar yang berada pada tahun 6 berdasarkan pada tahun semasa. Dari segi teori, dapatan ini menunjukkan bahawa ianya selaras dengan hubungkait kos pembiayaan persekolahan yang memerlukan sejumlah besar sumber kewangan daripada masyarakat. Seperti mana yang dianjurkan oleh Benson (1995), bahawa sumber yang besar ini perlu diagih dan ditanggung oleh masyarakat memandangkan setiap masyarakat maklum bahawa satu tahap pelaburan yang minimum perlu dibuat terhadap pendidikan supaya matlamat membangunkan negara dapat dicapai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kos pembiayaan tersebut merupakan pelaburan persendirian terhadap pendidikan yang akan meghasilkan pulangan/faedah pada masa akan datang hasil pertambahan tahun persekolahan. Pulangan dari pelaburan terhadap pendidikan ini timbul hasil daripada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dapat menyumbang kepada peningkatan dalam produktiviti individu ataupun hasil daripada keupayaan mereka mencipta serta mengeluarkan barangan atau perkhidmatan. Dengan demikian tindakan ibu bapa melaburkan masa, wang dan tenaga untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran melalui pendidikan dan latihan adalah sealiran dengan saranan Carnoy (1995), bahawa, segala pembiayaan termasuklah pendapatan yang dilepaskan *(forgone earning)*, meningkatkan kualiti dan produktiviti melalui pendidikan dan latihan adalah satu pelaburan yang memberikan pulangan yang jelas lebih lumayan berbanding dengan pelaburan ke atas modal fizikal. Dapatan kajian juga menunjukkan corak yang konsisten dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1996), iaitu perbelanjaan operasi atau unit kos operasi bagi setiap pelajar adalah meningkat pada setiap tahap pendidikan, contohnya kos setiap pelajar bagi tahap pendidikan sekolah rendah ialah RM958 setahun, berbanding kos setiap pelajar pendidikan menengah ialah RM1410 setahun.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.3.2 Kos Persendirian Berdasarkan Jantina Pelajar

Kos untuk pelajar lelaki ialah RM1876.99 manakala pelajar perempuan ialah RM1762.32. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat di Malaysia tidak banyak berbeza antara jantina dalam memberi pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak mereka. Berbeza dengan keadaan sebelum merdeka atau dikebanyakan negara membangun yang lain yang mana jurang pendidikan antara jantina masih lagi besar dan sesuatu yang mesti diatasi dengan segera (Hendrik, 2001). Tetapi, dapatan ini menunjukkan perbezaan masih signifikan apabila ibu bapa di Malaysia (bandar dan luar bandar) di daerah Hilir Perak khususnya menunjukkan perbelanjaan untuk pendidikan anak-anak mereka, sama ada lelaki atau perempuan masih berbeza.

Manakala Woodhall (1995b), menyatakan manusia yang melabur dalam pendidikan, pada masa hadapan akan meningkatkan pendapatan keseluruhan kehidupannya. Tambahan pula kajian ini menunjukkan secara praktikalnya ibubapa memikirkan pendidikan itu penting untuk anak-anak. Secara keseluruhannya tanpa mengira jantina pelajar, status sekolah, jenis sekolah dan tahap pendapatan isi rumah, ibu bapa mempercayai berkenaan masa hadapan anak-anak mereka, dan masih menganggap mempunyai pendidikan adalah satu pilihan pelaburan yang lebih baik untuk masa hadapan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.3.3 Kos Persendirian Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah

Tanggungan persekolahan bukan sahaja dijelaskan melalui kos keseluruhan tetapi juga melalui kemampuan ibu bapa untuk membayar kos itu. Dengan kata lain ia juga adalah satu fungsi pendapatan ibu bapa dan bilangan anak-anak bersekolah yang perlu mereka biaya.

Pada puratanya ibu bapa membelanjakan kira-kira 5.11% daripada pendapatan mereka untuk membiayai persekolahan seorang anak di sekolah rendah. Disebabkan pendapatan yang rendah oleh ibu bapa luar bandar, mereka cenderung untuk membelanjakan 4.8% daripada pendapatan untuk seorang anak berbanding 5.4% di dalam bandar. Jika mengambil kira bilangan anak yang mesti ditanggung oleh ibu bapa peratusnya akan menjadi lebih tinggi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti keluarga iaitu, 520 keluarga mempunyai 2 orang anak yang belajar di sekolah rendah. Hanya 421 keluarga mempunyai seorang anak belajar di sekolah rendah pada tahun tersebut. Peratus perbelanjaan pendidikan akan meningkat dengan pertambahan bilangan anak yang bersekolah dan ini merupakan satu bebanan yang berat terpaksa ditanggung oleh ibu bapa. Masyarakat perlu peka walaupun persekolahan percuma diberi dan dibiayai oleh kerajaan, kos persendirian persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa adalah tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Walaupun pada dasarnya masyarakat secara umumnya berpendirian bahawa kerajaan perlu meneruskan dasar pendidikan rendah secara percuma, pelaksanaannya perlu juga mengambil kira keupayaan keluarga. Isu ini adalah berdasarkan kepada beberapa rasional antaranya: pertama ialah pembiayaan penuh ke atas semua pelajar akan menghadkan keupayaan kewangan kerajaan dalam membangunkan kualiti pendidikan; berbanding dengan zaman dahulu, sekarang sudah terdapat ramai keluarga yang berkemampuan; ketiga budaya subsidi perlu dikikis daripada masyarakat; dan keempat, keutamaan perlu diberikan kepada golongan yang wajib dibela yang meliputi golongan miskin, penduduk di luar bandar dan golongan yang mempunyai tanggungan yang besar.

Peratus daripada pendapatan isi rumah ini sebenarnya hanyalah sebagai tambahan kepada kos sosial/awam yang ditanggung oleh kerajaan. Dalam konteks negara Malaysia, pihak kerajaan didapati telah membiayai sektor pendidikan pada tahap yang mencukupi jika saranan daripada Benson (1995), diambil kira iaitu, kecukupan pembiayaan oleh kerajaan sesuatu sistem pendidikan diukur mengikut peratus keluaran negara kasar dan peratus agihan daripada belanjawan negara terhadap sektor pendidikan. Biasanya sesebuah negara itu dianggap telah membiayai dengan secukupnya pendidikan negara tersebut jika amaun biaya yang digunakan mencapai sekitar 8% keluaran negara kasar dan sekitar 20% belanjawan negara (Lampiran A.3).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.3.4 Persepsi Ibu bapa Terhadap Kos Persendirian Persekolahan

Daripada 1230 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa pelajar sekolah rendah Daerah Hilir Perak, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 616 responden menyatakan kos persendirian berada pada tahap "membebankan" berbanding 189 responden berada pada tahap "amat membebankan" dan 425 responden berada pada tahap "tidak membebankan" kepada kos persendirian pendidikan sekolah rendah. Seramai 126 responden yang berpendapatan kurang daripada RM1000 menyatakan kos persendirian persekolahan berada pada tahap amat membebankan, 256 responden berada pada tahap membebankan dan hanya 77 responden menganggap kos persendirian tidak membebankan. Responden dari SJKT menyatakan tahap bebanan kos persendirian paling tinggi berbanding dengan responden dari SK dan SJKC. Manakala daripada aspek status sekolah, sekolah berstatus luar bandar lebih terbeban dengan kos persendirian berbanding sekolah berstatus dalam bandar.

Perbandingan mengenai persepsi ibu bapa terhadap beban kos persendirian ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Osman Rani (2007). Persamaan di antara dua kajian tersebut mendapati majoriti ibu bapa di bandar dan luar bandar menyatakan kos persendirian persekolahan agak membebankan. Kajian oleh Osman Rani (2007), mendapati ibu bapa di bandar, menyatakan tahap bebanan lebih tinggi jika dibandingkan dengan ibu bapa di luar bandar (tahap "amat membebankan" 23.9% di bandar dan 19.5% di luar bandar). Dapatan tersebut berbeza dengan dapatan oleh pengkaji yang menyatakan ibu bapa luar bandar berada pada tahap bebanan lebih tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

berbanding ibu bapa di bandar. Rumusan yang dapat dinyatakan adalah kajian oleh Osman Rani (2007), dijalankan untuk pelajar peringkat menengah (responden ialah ibu bapa pelajar tingkatan 4 sahaja) manakala pengkaji menjalankan kajian pada peringkat sekolah rendah.

Walaupun selepas mengambil kira subsidi-subsidi yang mungkin diterima oleh anak-anak mereka, seperti dalam kos operasi bagi setiap pelajar di peringkat rendah mengikut harga semasa pada tahun 1990 ialah sebanyak RM749.10 dan meningkat kepada RM1002.00 pada tahun 1994. Tiap-tiap seorang daripada lima orang ibu bapa yang di soal selidik beranggapan bahawa memenuhi kos persekolahan yang diharapkan daripada mereka adalah satu tanggungan yang sangat berat, separuh menyatakan kos persendirian berada pada tahap membebankan. Hanya 34.5% sahaja tidak menganggap kos persekolahan sebagai satu tanggungan. Bukti ini menunjukkan kepentingan melebarkan kemudahan pendidikan/persekolahan kepada semua. Memberikan bantuan kewangan yang mencukupi seperti subsidi dan biasiswa untuk pelajar miskin sepatutnya terus menjadi agenda yang utama. Satu lagi aspek yang perlu diberi kajian yang mendalam ialah peranan tuisyen tambahan mengikut mata pelajaran dalam mempengaruhi prestasi. Jika satu polisi itu membolehkan pelajar terus berada di sekolah, tetapi kurang kemudahan, kesamaan dan kemampuan untuk menguatkan sistem penyampaian nescaya pelajar miskin akan hanya mendapat pulangan yang berkaitan dengan lama persekolahan bukan mutu persekolahan. Jadi kadar pulangan persekolahan terhadap pelaburan dalam persekolahan tidaklah setinggi pencapaian pelajar yang kaya. Ini tidak membantu mengurangkan jurang pelajar bandar dan luar bandar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.3.5 Anggaran Kos Berdasarkan Status Sekolah

Kajian ini mendapati bahawa min kos persendirian pendidikan sekolah berstatus bandar ialah RM1939 dan sekolah status luar bandar ialah RM1703. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Osman Rani (2007), yang mendapati min kos persendirian sekolah status bandar melebihi sekolah berstatus luar bandar iaitu RM2045 berbanding RM1590. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1996), juga menunjukkan min kos persendirian yang konsisten dengan min kos persendirian dapatan kajian mengikut lokasi sekolah, iaitu, jumlah kos persendirian untuk pelajar di sekolah berstatus bandar adalah melebihi min kos persendirian sekolah berstatus luar bandar iaitu, RM1290.57, berbanding RM818.62.

Item-item yang terdapat di dalam pengiraan bagi kos persendirian dalam kajian ini adalah, bayaran yuran, pakaian, buku, alat tulis, bayaran tuisyen dan yuran kelas komputer (bayaran tambahan), kos pengangkutan, wang saku, kos makanan dan minuman yang dibawa dari rumah dan wang sumbangan kepada sekolah.

Secara keseluruhan, komponen yang terbesar daripada perbelanjaan persekolahan adalah wang saku terdiri daripada 31.7% diikuti bayaran pengangkutan 24.4% dan bayaran tambahan (tuisyen dan komputer) sebanyak 22.8%. Ibu bapa membelanjakan purata RM2 sehari untuk seorang anak sebagai wang saku dan makanan yang dibawa dari rumah. Ibu bapa juga membelanjakan purata RM415 per pelajar setahun untuk tuisyen dan kelas komputer. Peratus yang tinggi dibelanjakan untuk tuisyen, menggambarkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sikap ibu bapa terhadap kepentingan persekolahan dan mencapai keputusan yang baik. Komponen wajib yang lain seperti yuran sekolah, uniform, buku dan alat tulis serta bayaran sumbangan adalah agak kecil yang mana kesemuanya mengambil kurang daripada 11% jumlah keseluruhan perbelanjaan. Sementara pada umumnya kos persekolahan adalah rendah di kawasan luar bandar tetapi apa yang menghairankan pembahagian yang tinggi untuk perbelanjaan untuk wang saku di luar bandar berbanding bandar.

Kajian juga mendapati mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Osman Rani (2007), iaitu keluarga yang mempunyai latar belakang status sosioekonomi tinggi digambarkan dengan pendapatan yang tinggi, cenderung untuk membelanjakan lebih ke atas pendidikan. Perbelanjaan yang mencukupi untuk pendidikan terutama untuk kelas tambahan dan buku-buku tambahan, penting kerana ia mungkin menghasilkan pelajar dengan keputusan yang lebih baik.

Aliran perbelanjaan ibu bapa terhadap pencapaian pelajar di sekolah yang menjadi sampel kajian juga didapati mempunyai corak yang sama. Semakin tinggi kos persendirian yang dibelanjakan ibu bapa didapati pencapaian akedemik sekolah tersebut juga tinggi. SK. Sultan Abdul Aziz Teluk Intan (sekolah berstatus bandar), mencatatkan pencapaian peratus kelulusan 80.00% manakala SK. Raja Muda Musa Teluk Intan (sekolah berstatus luar bandar) hanya 62.77%. SJKC San Min I (sekolah berstatus bandar) mencatatkan peratus lulus keseluruhan 67.74% berbanding SJKC Wah Keow, Langkap 51.69%. Keadaan yang sama juga berlaku di SJKT Thiruvalluvar (sekolah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

berstatus bandar) 64.71% berbanding SJKT Ladang Sussex, Teluk Intan (sekolah berstatus luar bandar) hanya mencatatkan peratus lulus keseluruhan 52.38%.

5.3.6. Anggaran Kos Berdasarkan Jenis Sekolah

Kajian mendapati SJKC menunjukkan secara signifikannya menunjukkan kos pendidikan lebih tinggi daripada sekolah lain. Min perbelanjaan keseluruhan kos persendirian ialah RM2492.56 bagi SJKC, diikuti SJKT membelanjakan RM1518.78 dan SK RM1478.25 dalam tempoh setahun persekolahan.

Hasil kajian tersebut juga dapat merumuskan seseorang pelajar yang berada selama 6 tahun di peringkat rendah akan membelanjakan secara puratanya sebanyak RM10925.76. Jumlah yang akan dibelanjakan oleh ibu bapa adalah berbeza mengikut jenis sekolah. SJKC secara puratanya akan membelanjakan sebanyak RM14955.36 (purata kos persendirian setahun ialah RM2492.60), SJKT sebanyak RM9112.68 (purata kos persendirian setahun ialah RM1518.80), dan SK sebanyak RM8869.50 (purata kos persendirian setahun ialah RM1478.20). Dapatan tersebut boleh menimbulkan persoalan, adakah perbelanjaan yang tinggi oleh ibu bapa daripada SJKC mempunyai kaitan dengan pencapaian yang secara konsistennya lebih tinggi daripada SK dan SJKT. Untuk membuktikannya kajian lanjut perlu dilakukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bagi menegaskan lagi dapatan kajian ini tinjauan dilakukan terhadap peruntukan kerajaan kepada SJKC sejak Rancangan Malaysia Ke-6 (RMK 6) (1991 – 1995) hingga Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK 8) (2001 – 2005), seperti (Lampiran E.1). Mengikut peruntukan pembangunan sekolah rendah di bawah RMK 6, RMK 7 dan RMK 8 bilangan pelajar SJKC mencapai 23%, 21% dan 21% daripada jumlah pelajar bagi semua aliran sekolah rendah, pada setiap Rancangan Malaysia yang dinyatakan, tetapi peruntukan pembangunan yang diberikan hanya setakat 8.14% pada RMK 6, 2.44% pada RMK 7 dan pada RMK 8 hanya 3.79% peruntukan pembangunan bagi SJKC.

Pada amnya keseluruhan masyarakat Cina tidak menganggap urusan pembiayaan prasarana sekolah adalah hak kerajaan semata-mata tetapi adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu mereka akan memberi sokongan moral, wang ringgit dan tenaga terhadap kemajuan pendidikan. Secara tidak langsung sekolah-sekolah Cina mudah mendapat sokongan dana dari pelbagai peringkat sama ada dari petani, peniaga kecil, tauke, tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli politik, tokoh-tokoh masyarakat dan sebagainya. Kini kedudukan kaum Cina tidak pernah tergugat, malah semakin kuat, termasuk kedudukan kewangannya. Di sesetengah sekolah, penyata kewangan berakhir setiap tahun melebihi RM1 juta (Mingguan Malaysia, 30 Ogos 2009).

Memandangkan kajian ini hanya mengambil kira kos yang dikeluarkan oleh ibu bapa hanya untuk pendidikan formal sahaja, sudah pasti terdapat kos sampingan lain yang tidak termasuk dalam kajian ini. Kos seperti perbelanjaan kegiatan kokurikulum, pengajian kelas agama/fardu ain dan sebagainya. Begitu juga faktor masa kajian ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dijalankan pada awal tahun, sudah pasti kos sebenar akan meningkat daripada kos yang telah dinyatakan dalam soal selidik yang telah diedarkan.

5.3.7 Interaksi dan Hubungan yang Signifikan

i. Interaksi Kos Persendirian berdasarkan Tahun Persekolahan dan Jenis Sekolah adalah signifikan.

ii. Interaksi Kos Persendirian berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah adalah signifikan.

iii. Interaksi Kos Persendirian berdasarkan Tahun Persekolahan dan Status Sekolah adalah tidak signifikan

iv. Interaksi Kos Persendirian berdasarkan Tahap Pendapatan dan Status Sekolah adalah signifikan.

v. Interaksi Kos Persendirian berdasarkan Tahap Pendapatan dan Jenis Sekolah adalah signifikan.

vi. Interaksi Tahap Bebanan Ibu bapa berdasarkan Jenis Sekolah dan Status Sekolah adalah tidak signifikan.

vii. Hubungan antara Kos Persendirian berdasarkan lima jenis pemboleh ubah bebas (Jenis Sekolah, Status Sekolah, Jantina, Tahun Persekolahan dan Tahap Pendapatan) mempunyai hubungan/pengaruh dalam menentukan Kos Persendirian Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Hilir Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Interaksi di antara pemboleh ubah yang menunjukkan perhubungan yang signifikan, menggambarkan wujud perbezaan dalam kos persendirian apabila hubungan di antara pemboleh ubah tersebut dianalisis. Sebagai contoh, pemboleh ubah jenis sekolah dan tahun persekolahan terdapat perbezaan dalam kos persendirian dalam tahun persekolahan yang sama berdasarkan jenis sekolah yang berlainan dan ianya berlaku secara tidak ordinal. Fenomena ini memerlukan kajian yang lebih lanjut untuk penjelasan yang lebih terperinci. Begitu juga hubungan lain-lain pemboleh ubah yang menunjukkan perhubungan yang signifikan. Hanya hubungan tahun persekolahan dan status sekolah serta tahap bebanan berdasarkan jenis dan status sekolah menunjukkan perhubungan yang tidak signifikan.

Hasil kajian juga mendapati 5 jenis pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan/pengaruh terhadap kos persendirian, yang mana *variable* seperti SJKC, pelajar lelaki, status sekolah bandar, tahun persekolahan yang tinggi dan tahap pendapatan isi rumah yang tinggi merupakan faktor dominan dalam menentukan kos persendirian pendidikan sekolah rendah di Daerah Hilir Perak ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas, maka kajian ini dapat disimpulkan mengikut aturan objektif kajian seperti berikut. Secara keseluruhannya kos persendirian meningkat selaras dengan peningkatan tahun persekolahan. Tahap bebanan berdasarkan status sekolah menunjukkan sekolah berstatus luar bandar menyatakan tahap bebanan lebih tinggi daripada bandar. Manakala berdasarkan jenis sekolah, responden daripada SJKT berada pada tahap bebanan paling tinggi diikuti SJKC dan seterusnya SK.

Anggaran kos persendirian berdasarkan jenis sekolah dan status sekolah, SJKC mencatatkan perbelanjaan paling tinggi untuk setahun persekolahan. Manakala anggaran berasaskan status sekolah, secara keseluruhannya menunjukkan ibu bapa dari sekolah berstatus bandar mengeluarkan perbelanjaan lebih tinggi daripada sekolah berstatus luar bandar. Manakala anggaran kos persendirian bagi pelajar lelaki sekolah rendah adalah melebihi kos persendirian yang dikeluarkan bagi pelajar perempuan.

Secara umumnya tahap pendapatan memainkan peranan dalam menentukan kos persendirian yang dikeluarkan oleh ibu bapa. Hasil dapatan tidak menunjukkan semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kos persendirian yang dikeluarkan. Sebaliknya kajian menunjukkan kenaikan dalam pendapatan menunjukkan peratus kos persendirian yang diperuntukkan bagi pembiayaan seorang pelajar sekolah rendah adalah semakin menurun.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.5 CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN PEMBIAYAAN

Bersandarkan kepada dapatan kajian yang meliputi kos persendirian pendidikan sekolah rendah berdasarkan, jenis sekolah, status sekolah, tahun persekolahan, tahap pendapatan, persepsi terhadap bebanan dan sebagainya daripada kacamata ibu bapa sebagai responden kajian, maka, kajian ini mengetengahkan cadangan-cadangan berikut sebagai tambahan atau alternatif bagi penambahbaikkan pembiayaan sekolah rendah sedia ada.

